



**Robot jadi
pilihan kedai
makan** **18**



**Eksklusif
MHI**

Era baharu PKNM

PERBADANAN Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), yang menyambut ulang tahun ke 50 tahun ini, akan menerokai bidang-bidang baharu dan mewujudkan 5,500 peluang pekerjaan dalam masa terdekat. Ketua Menteri turut menggariskan beberapa tugas baharu untuk menjadikan PKNM lebih progresif. **2&3**



PKNM Progresif



AZMI (dua dari kiri barisan hadapan) bergambar bersama sebahagian kakitangan PKNM yang dirakamkan sebelum negara dilanda pandemik COVID-19.

**MUFC
akan kemuka
rayuan rasmi** **40**



**Penganggur jangan
memilih kerja**

8

**Keenakan mangga
harum manis Kemboja**

12

**Misterikah Perigi
Hang Tuah?**

33

PKNM ke arah 'New Millennium'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Sejak lima dekad lamanya Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) memainkan peranan penting dalam menjayakan perancangan pembangunan negeri Melaka.

Meskipun berdepan cabaran arus kemodenan dan peredaran zaman, namun entiti penting dalam merencana kemajuan negeri itu dilihat kekal relevan hingga kini.

Hal itu diakui Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang menzahirkan rasa bangga di atas segala pencapaian PKNM sejak penubuhannya pada 30 April 1971.

Menurutnya, meskipun dunia kini pesat membangun, PKNM tidak terus berada di takuk lama, sebaliknya mengorak langkah dalam memastikan pelaksanaan perniagaannya berubah pada zaman 'New Millennium' pada masa kini.

"Sebagai contoh dalam sektor industri, PKNM berubah daripada 'labour intensive' kepada 'robotic'

dan automasi. Ia seiring dengan kemajuan ke arah Revolusi Perindustrian (IR 4.0) yang mana saya percaya perancangan ke arah itu tidak akan lari daripada tanggungjawab asal penubuhan PKNM.

"Selain itu, PKNM juga diminta supaya menambahbaik produk sedia ada dengan nilai tambah yang memenuhi citarasa milenium yang bersifat kontemporari dan bukan lagi konvensional.

"Dalam sektor harta tanah dan komersial pula, PKNM turut merancang pembangunan bercampur yang menjadi satu trend terkini. Sebagai contoh, PKNM merancang bagi Pembangunan Melaka Lifecare Specialist (MLS) di tanah milik PKNM mukim Bukit Baru yang mengandungi hospital, pejabat, pusat kesihatan, hotel dan sebagainya," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini bersempena Ulang Tahun Jubli Emas PKNM.

Menurut Sulaiman, untuk dekad-dekad akan datang PKNM perlu menggiatkan usahanya ke



SULAIMAN...PKNM tidak terus berada di takuk lama, sebaliknya mengorak langkah dalam memastikan pelaksanaan perniagaannya berubah pada zaman 'New Millennium' pada masa kini.

arah pembangunan infrastruktur, pelancongan, keusahawanan dan ekonomi di negeri ini.

"Saya juga berharap semua kakitangan PKNM dapat mem-

unyi sikap integriti serta jati diri untuk meningkatkan ekonomi negeri dalam usaha untuk bersaing dengan negeri-negeri lain.

"Saya percaya kerja keras itu

nanti akan memberikan impak yang besar di kemudian hari yang mana ia akan dapat dinikmati seluruh masyarakat dalam negeri Melaka," ujarnya.

Hak eksklusif aktiviti maritim Melaka Peranan penting dalam M-WEZ

SELARAS dengan kewujudannya sebagai agensi utama merencana pembangunan dan kemajuan negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) akan diberikan hak eksklusif untuk menjalankan aktiviti berkaitan maritim di negeri ini.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata hak itu diberikan seiring dengan pembangunan koridor ekonomi baharu, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang turut terkandung dalam 'flagship' pertama Pelan Strategik Melakaku Maju

Jaya 2035 (PSMJ 2035).

Menurutnya, PKNM akan dibekalkan konsesi pajakan bagi tempoh 99 tahun bagi menjalankan aktiviti maritim melalui anak syarikatnya iaitu My Marine Park Sdn.Bhd.

"Antara aktiviti berkaitan maritim dan perkапalan termasuk menyediakan servis pengurusan dan koordinasi, pelabuhan kapal, operasi kapal ke kapal (*Ship To Ship*), Centralized Vessel Traffic Monitoring, Lay-Up, Bunkering, Crew Change dan lain-lain.

"Pada masa sama, pengurusan PKNM juga akan membangunkan kawasan tambak laut di pesisir pantai Umbai seluas 182.1 hektar sebagai Pusat Penyimpanan Bersepadu dan Terminal Marina (MIMT).

"Selain itu, pembangunan M-WEZ juga turut merangkumi pembangunan di darat, yang mana PKNM telah merangka satu pembangunan ikon usahawan iaitu Kompleks Hab Usahawan Bumi-putera (MyHub) di pesisir pantai Klebang," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, peranan PKNM tidak hanya terhad kepada pembangunan M-WEZ semata-mata, sebaliknya ia turut meliputi 'flagship' kelima PSMJ 2035 iaitu Melaka Negeri Usahawan.

Jelasnya, PKNM telah memainkan peranan besar dalam membangunkan banyak premis-premis industri kecil dan sederhana (IKS) yang telah memberi ruang serta peluang kepada peniaga-peniaga untuk menjalankan perniagaan.

"Sebagai contoh, PKNM telah membangunkan kawasan perindustrian Melaka Halal Hub dan akan mengusahakan anggaran 404.7 hektar lagi pembesaran tanah bagi pembangunan usahawan ini yang mana ia juga adalah antara usaha progresif PKNM dalam mencapai matlamat PSMJ

2035.

"Di samping itu, PKNM turut memainkan peranan yang penting dalam 'flagship' lain seperti Melaka Negeri Pelancongan dengan menaik taraf produk pelancongan sedia ada seperti Taman Mini Malaysia dan Asian and Air Panas Gadek, selain turut merancang untuk membina ikon baharu pelancongan iaitu *My Siring Waterfront* di Pantai Siring, Serkam," ujarnya.

Beliau berharap, melalui usahasama yang terjalin di antara PKNM dan kerajaan negeri dalam aspek pembangunan serta kemajuan yang dirancang, ia bukan sahaja dapat mencapai aspirasi yang diharapkan melalui PSMJ 2035, bahkan pada masa sama meningkatkan lagi taraf hidup rakyat Melaka di masa akan datang.



PKNM akan diberikan hak eksklusif untuk menjalankan aktiviti berkaitan maritim di negeri ini seiring dengan pembangunan koridor ekonomi baharu, M-WEZ. FOTO SUMBER PKNM

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29 MAC 2021	6.05 am	7.12 am	1.18 pm	4.20 pm	7.21 pm	8.30 pm
30 MAC 2021	6.04 am	7.12 am	1.18 pm	4.20 pm	7.21 pm	8.30 pm
31 MAC 2021	6.04 am	7.12 am	1.18 pm	4.21 pm	7.21 pm	8.30 pm
01 MEI 2021	6.03 am	7.11 am	1.17 pm	4.21 pm	7.21 pm	8.30 pm
02 MEI 2021	6.03 am	7.11 am	1.17 pm	4.21 pm	7.20 pm	8.29 pm
03 MEI 2021	6.03 am	7.11 am	1.17 pm	4.22 pm	7.20 pm	8.29 pm
04 MEI 2021	6.02 am	7.10 am	1.17 pm	4.22 pm	7.20 pm	8.29 pm



PKNM azam tingkat usaha

SEJAK 50 tahun lalu, pelbagai langkah dan inisiatif diambil bagi memastikan Melaka kekal menjadi destinasi pilihan pelabur tempatan mahupun luar negara yang mana ia sedikit sebanyak mengubah landskap bumi bersejarah yang dapat dilihat kini.

Meskipun berdepan pelbagai cabaran ekonomi global sepanjang tempoh pandemik COVID-19, ia tidak melemahkan iltizam Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), sebaliknya lebih bersemangat untuk terus mengorak langkah memacu kemajuan negeri Melaka.

Justeru, menjelang sambutan Jubli Emas PKNM ke-50 tahun ini, Melaka Hari Ini membawakan temu bual eksklusif bersama Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Azmi Hussain.

UBAH LANDSKAP MELAKA

Seiring peredaran zaman, PKNM sebagai entiti yang memainkan peranan penting dalam aspek pembangunan ekonomi dan sosioekonomi tidak terkecuali melakukan perubahan mengikut arus semasa dalam usaha mengubah landskap ekonomi Melaka.

Jelas Azmi, selain mengekalkan teras sedia ada, pihaknya kini memberi tumpuan kepada sudut pandang berbeza dan memberi nilai tambah ke atas perniagaan sedia ada.

Beliau berkata, sektor perindustrian contohnya akan diberi nafas baharu dari sudut persekitaran berbeza selepas ini dengan memperkenalkan konsep '*Gated and Guarded*' yang dijangka akan dibangunkan di kawasan Merlimau dan Serkam.

Di samping itu, ujarnya, pihaknya juga bakal membangunkan '*Smart Industrial Park*' di mukim Sungai Udang sebagai kawasan industri sokongan kepada industri gas dan petroleum di kawasan sekitar selain turut berhasrat menjadikan Telok Gong, Kuala Linggi sebagai koridor baharu hab tenaga di negeri ini.

"Selain menunggu lampu hijau Petronas untuk produk baharu gas dan petroleum, kita juga dalam perancangan bagaimana untuk memanfaatkan peluang-peluang ekonomi dalam bidang tenaga di Telok Gong yang kini sudah

melakukan langkah menerusi perancangan untuk meneroka bidang perniagaan baharu dalam perindustrian maritim sesuai dengan misi kerajaan negeri untuk membangunkan Industri Maritim di kawasan tiga batu nautika di sepanjang perairan Melaka.

Azmi berkata, menerusi bidang baharu itu pihaknya mampu menjana pendapatan menerusi pelbagai aktiviti maritim dan perkapalan termasuk menyediakan servis pengurusan dan koordinasi, pelabuhan kapal, operasi kapal ke kapal (*ship to ship*), pemantauan trafik kapal berpusat dan lain-lain.

Selain itu, selaras dengan penubuhan

ada 2,240 Megawatt *'plant'* yang dibangunkan Edra (Edra Power Holdings Sdn Bhd).

"Kita juga akan memberi tumpuan kepada industri makanan halal dan produk-produk halal menerusi Melaka Halal Hab Sdn Bhd yang mana kita percaya permintaan terhadap industri halal ini bernilai RM30 bilion ketika ini."

"Memandangkan sekarang banyak perniagaan berkonsepkan '*dropshipping*' yang memerlukan gudang penyimpanan barang dan sebagainya, jadi fasiliti itu akan kita bangunkan sebagai sumber ekonomi baharu," katanya.

Mengulas lanjut, Azmi berkata pihaknya juga memberi penekanan terhadap sektor perniagaan dan perdagangan serta pelancongan yang merupakan antara teras utama PKNM. Menerusi sektor pelancongan misalnya, beliau memaklumkan Taman Mini Malaysia dan Asean di Ayer Keroh akan dinaik taraf bagi menepati citarasa antarabangsa dan selepas ini, pihaknya bercadang membangunkan satu lagi produk baharu menelan belanja RM35 juta yang diberi nama *'My Siring Waterfront'* di Pantai Siring, Serkam, Jasin.

Manakala, membabitkan sektor perniagaan pihaknya akan memberi penekanan terhadap bidang kesihatan dengan cadangan membangunkan Melaka Lifecare Specialist yang berfungsi sebagai Hab Kesihatan Bersepadu.

TEROKA POTENSI LAUTAN

PKNM turut mengorak langkah menerusi perancangan untuk meneroka bidang perniagaan baharu dalam perindustrian maritim sesuai dengan misi kerajaan negeri untuk membangunkan Industri Maritim di kawasan tiga batu nautika di sepanjang perairan Melaka.

Azmi berkata, menerusi bidang baharu itu pihaknya mampu menjana pendapatan menerusi pelbagai aktiviti maritim dan perkapalan termasuk menyediakan servis pengurusan dan koordinasi, pelabuhan kapal, operasi kapal ke kapal (*ship to ship*), pemantauan trafik kapal berpusat dan lain-lain.

Selain itu, selaras dengan penubuhan

AZMI...PKNM menjangka tidak kurang 5,500 peluang pekerjaan akan diwujudkan selaras dengan bidang-bidang pelaburan yang bakal agensi tersebut ceburi.

koridor ekonomi baharu *Melaka Waterfront Economic Zone* (M-WEZ), PKNM akan membangunkan kawasan tambakan laut di persisir Pantai Umbai seluas 182.1 hektar sebagai Pusat Penyimpanan Minyak Bersepadu dan Terminal Marina (Melaka Intergrated Marine Terminal (MIMT)).

Tambak laut itu ujarnya, akan dijadikan hab bagi industri minyak di samping mewujudkan kemudahan strategik sebagai pelabuhan dalam aktiviti marin.

"Dengan wujudnya '*tank farm*' atau depoh minyak ini akan memberikan kelebihan untuk operasi Projek Maritim seperti *ship to ship* (STS) di Perairan Melaka yang merupakan hal tuju baharu kepada PKNM," ujarnya.

Tambahnya, PKNM juga bakal membangunkan tanah seluas 2.43 hektar di dalam kawasan jajaran M-Wez iaitu Pantai Klebang bagi pembinaan MYHUB iaitu Hab Usahawan Bumiputera bagi membolehkan peniaga dikumpulkan dalam satu kawasan.

BUKA 5,500 PELUANG PEKERJAAN BUAT ANAK MELAKA

Melalui segala pembangunan, pelaburan dan kemajuan yang dilakukan, Azmi menyeru kepercayaan tidak kurang 5,500 peluang pekerjaan akan dibuka untuk dimanfaatkan kepada anak Melaka.

Mengambil contoh pembangunan bandar pelabuhan di Umbai yang akan dibangunkan nanti, beliau percaya sekurang-kurangnya 2,000 anak tempatan akan menerima peluang pekerjaan.

"Sudah pasti apabila kita membangunkan atau melaksanakan sesuatu pembangunan, ia akan memerlukan perkhidmatan dan tenaga kerja. Melalui pembangunan yang telah dirangka saya percaya tidak kurang 5,500 peluang pekerjaan akan dapat dinikmati anak-anak di negeri ini."

"Bagaimanapun, proses ini masih lagi panjang memandangkan kita masih berada dalam fasa permulaan. Insya-Allah, tahun depan kita akan dapat mulakan segala projek yang dirancang," katanya.

BENTUK MODAL INSAN BERKUALITI, BERINTEGRITI

Memasuki usia setengah abad penubuhannya, PKNM komited untuk terus membentuk modal insan berkualiti dan berintegriti tinggi selaras dengan visi perbadanan tersebut.

Azmi berkata, pelbagai usaha telah dilakukan termasuklah pemerksaan produktiviti tenaga kerja melalui pemantapan pelan per-

ancangan latihan yang komprehensif mengikut skim dan gred, pengukuhan '*soft skill*' dan perhubungan awam dalam kalangan anggota.

Selain itu, pihaknya juga memberi penekanan dalam melahirkan pegawai serba boleh serta menitikberatkan aspek kebajikan pekerja supaya moral serta kesetiaan mereka sentiasa terpelihara.

"Dalam aspek tadbir urus pula, kita telah menyediakan Pelan Anti Rasuah PKNM yang menjadi tonggak pemantapan nilai dan jati diri tenaga kerja PKNM selain turut membangun Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS).

"Kita juga sentiasa memastikan '*zero query*' dalam pematuhan peraturan atau pekeliling yang berkuat kuasa serta mengadakan program cakna terhadap risiko, isu dalaman, isu luaran dan kehendak pihak berkepentingan dalam setiap proses kerja di PKNM secara berterusan," katanya.

Melalui inisiatif yang diterapkan, ujarnya, PKNM kini berjaya melahirkan produk-produk modal insan yang dinamik, berwibawa, berkreditibiliti, dan produktif hingga ada dalam kalangan pegawai PKNM sebelum ini diberi kepercayaan membantu kerajaan negeri seperti contoh Datuk Zaini Md Nor dan Datuk Lim Chow Beng yang masing-masing berkhidmat untuk Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Kementerian Pelancongan Malaysia.

"Kita juga mempunyai pegawai-pegawai yang diberi mandat menerajui agensi kerajaan negeri seperti Datuk Mashitah Ismail (Melaka Finance House) dan Azhar Yaacob ke Majlis Pembangunan Pulau-pulau Melaka," katanya.

Di akhir bicara, Azmi turut menitipkan harapan agar beliau dan tenaga kerja PKNM akan terus memikul segala amanah yang diberikan dengan baik demi kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat.

"Bersempena dengan ulang tahun sambutan Jubli Emas tahun ini, kami merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang memberi kepercayaan kepada kami dalam banyak aspek membabitkan pembangunan."

"Kami percaya kepercayaan itu akan memberi semangat kepada saya dan anak buah bekerja lebih kuat dalam memikul amanah yang diberikan bagi memastikan PKNM kekal menjadi peneraju kemajuan Melaka di masa-masa akan datang," katanya lagi.



**Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

COVID-19 tidak jejaskan populariti Taboh Naning

Norizan Abdul Muhid

TABOH NANING - Penularan wabak COVID-19 memberi kesan kepada peniaga khususnya di kawasan tumpuan pelancongan dalam daerah Taboh Naning ekoran kekurangan pengunjung dalam negara dan luar negara.

Bagaimanapun, Kolam Air Panas Cherana Putih masih tetap dikunjungi oleh orang ramai walaupun bilangannya tidak sama seperti tahun-tahun sebelumnya.

Ini kerana, khasiat kesihatan yang ditawarkan pada kolam air panas tersebut menjadi tumpuan pengunjung yang merupakan penduduk dalam daerah Alor Gajah sendiri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, Datuk Wira Latipah Omar berkata, biarpun pengunjung



tidak ramai namun boleh dikatakan hampir setiap hari ada sahaja penduduk tempatan yang datang ke situ untuk mandi dan kaki bagi mendapatkan khasiat air panas semula jadi.

Menurutnya, keadaan tersebut membuktikan Kolam Air Panas Cherana Putih ber-

potensi untuk dijadikan produk pelancongan utama di Melaka walaupun ketika negara dan dunia sedang berdepan konflik penularan wabak penyakit.

"Sebelum berlaku wabak COVID-19, kira-kira 300 orang berkunjung ke Kolam Air Panas Cherana Putih setiap

bulan, bukan sahaja dari kalangan pelancong tempatan malah pelancong dari Korea, Jerman, Perancis dan Jepun pernah datang menikmati kolam air panas di sini.

"Namun, disebabkan berlaku krisis ini, pelancong luar tidak dapat berkunjung ke kolam air panas ini tetapi ia tetap dikunjungi oleh penduduk tempatan, ini membuktikan Kolam Air Panas Cherana Putih berpotensi sebagai produk pelancongan utama di negeri ini pada masa depan," katanya.

Menurut Latipah, Kolam Air Panas Cherana Putih diperkenalkan sejak lebih 15 tahun lalu dan hanya menawarkan sedikit fasiliti iaitu beberapa telaga air panas yang kecil.

Ujarnya, melalui penglibatan aktif Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan sokongan penduduk tempatan, Kolam Air Panas Cherana Putih dinaik taraf menjadi lebih moden dengan penambahan fasiliti bagi menampung keselamatan pengunjung.

Datuk Wira Latipah Omar

TARIKH LAHIR	: 15 Oktober 1960
TEMPAT LAHIR	: Hospital Besar Melaka
SUAMI	: Ibrahim Abdul Rahman
ANAK	: Asyikin Ibrahim Anwar Ibrahim Ashraf Ibrahim Amar Aizzat Ibrahim
PENDIDIKAN	: Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara Sekolah Menengah Kem Terendak Sekolah Menengah Ghafar Baba (STPM)

Latipah berkata, pihaknya berkeyakinan Kolam Air Panas Cherana Putih mampu menjadi destinasi pelancongan untuk mata air panas seperti di negara Jepun, memandangkan keupayaannya menarik kunjungan pelancong asing ke situ sebelum ini.

"Ini kerana sebahagian besar pengunjung yang datang ke kolam ini mahukan khasiat air panas yang ada di sini kerana ia mampu melancarkan pengaliran darah dan memberi kesan positif kepada tubuh badan."

"Sebab itu, mereka gemar ke kolam ini sekali gus ia menjadi tempat tumpuan pelancong maka sebaik-baiknya fasiliti sedia ditambah baik dan melengkapkan apa sahaja kekurangan yang ada," katanya.

Setakat ini, katanya, kolam tersebut dilengkapi dengan lebih 10 kolam air panas termasuk tiga buah kolam khusus untuk kegunaan kanak-kanak bermain di situ.

"Selain kolam yang selesa, kemudahan tandas, surau dan tempat letak kereta juga disediakan malah tidak lama lagi, beberapa kemudahan baharu juga akan disediakan termasuk fasiliti calet berdekatan kolam," kata Latipah.

Selain produk pelancongan seperti Kolam Air Panas Cherana Putih, menurut Latipah, Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning juga mempunyai pelbagai jenis perusahaan yang diusahakan oleh penduduk tempatan ter-

diri daripada industri kraftangan, ikan laga dan kolam ikan di Sungai Buloh dan Kampung Rantau Panjang.

Menurutnya, permintaan yang tinggi terhadap perusahaan tersebut menyebabkan penduduk terlibat menjalankan perniagaan tersebut secara sepenuh masa dan turut berkolaborasi dengan pihak swasta.

Ini secara tidak langsung, kata Latipah, menjana pendapatan dari berniaga lebih baik daripada pergantungan sumber gaji semata-mata dan ini secara tidak langsung menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk lain.

"Apa yang menarik perhatian saya ialah kesemua mereka pada asalnya hanya mengusahakan perusahaan kecil-kecilan yang mana membelakangkan bahan untuk kegunaan sendiri dan keluarga terdekat.

"Namun, apabila produk berjaya menepati kehendak pengguna lain, mereka terpaksa mempelbagaikan produk dan menambah pengeluaran memandangkan permintaan kian bertambah, ia secara tidak langsung menjana pendapatan masing-masing," katanya.

Beliau berharap agar lebih ramai generasi baharu DUN Taboh Naning berminat menceburkan diri dalam perniagaan dan perusahaan terutama perniagaan berteraskan pertanian memandangkan potensi besar yang ditawarkan.



Pihak berkuasa terlibat disaran merangka pembangunan bandar yang lebih sistematis untuk penduduk DUN Alor Gajah agar daerah itu sentiasa menarik tumpuan kunjungan pelancong luar.

MOHD. TIN

Perbanyakkan kemudahan, elak penghijrahan anak muda

PENDUDUK dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning mengharapkan agar lebih banyak pembangunan moden yang lebih dinamik dan tersusun dilaksanakan di daerah itu dari semasa ke semasa.

Ini kerana menurut mereka, hanya melalui penyediaan kemudahan infrastuktur yang menarik akan menjadikan daerah itu lebih dikenali dalam kalangan pelancong luar seterusnya memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Penduduk Kampung Air Pa'abas Kamaruddin Arshad berkata, ketidaaan kemudahan pembangunan yang menarik dikhawatirkan akan me-

nyebabkan golongan anak muda di daerah itu berhijrah ke pusat bandar.

"Kita harap pada masa depan akan ada lebih banyak pusat membelah, pusat rujukan akademik dan institusi pendidikan tinggi awam atau swasta dibina di daerah ini," katanya.

Dia yang juga Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Air Pa'abas berkata, pada masa yang sama, kemudahan sedia ada dinaik taraf menjadi lebih menarik dan berfungsi dengan berkesan sekali gus menyediakan maafaat kepada pengguna.

Bagi Sidang JP KK Padang Lalang Haron Arshad berkata, ada ke-

mudahan asas seperti tempat beriadah tetapi tidak dilengkapi peralatan yang secukupnya.

"Ia menyebabkan tempat tersebut kurang dikunjungi orang ramai kerana tidak menarik walaupun ia merupakan tempat orang ramai beriadah. Ia secara tidak langsung merugikan banyak pihak," katanya.

Pada masa yang sama, menurut Pengurus JP KK Padang Lalang Jamaludin Abu, pembangunan yang dirancang perlu seimbang dan terancang agar tidak memberi kesan negatif kepada penempatan penduduk sedia ada.

"Janganlah pula dibangunkan

sesuatu tempat itu tanpa mengambil kira keselamatan dan keselesaan penduduk yang tinggal di kampung berdekatan.

"Ambil kira aspek itu kerana penduduk bukan menolak pembangunan tetapi biarkan ia dibangunkan tanpa menjelaskan keselamatan penduduk," katanya.

Selain itu, bagi Sidang Air Pa'abas Mohd. Tin Mohd. Shah, pihak berkuasa terlibat disaran merangka pembangunan bandar yang lebih sistematis untuk penduduk DUN Alor Gajah agar daerah itu sentiasa menarik tumpuan kunjungan pelancong luar.

934 Kawasan Rukun Tetangga kurang aktif Lebih RM5.6 juta tidak dapat dimanfaatkan - Halimah



HALIMAH menyaksikan Majlis Perasmian Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Negeri Melaka 2021-2030 dan Program Malaysia Prihatin Komuniti KRT Vaksin Untuk Semua disempurnakan Sulaiman di MITC, baru-baru ini.

Sedia 18 perkhidmatan bayaran Aplikasi 'Melaka Pay' dilancarkan

Liana Sahabudin

SERI NEGERI – Kerajaan negeri membangunkan gerbang pembayaran bersepadu menerusi 'Melaka Pay One-Stop Centre' atau dikenali 'Melaka Pay' yang mula berasrama 1 April.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, aplikasi itu dibangunkan menerusi Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) Jabatan Ketua Menteri untuk semakan dan pembayaran pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan.

"Aplikasi Melaka Pay boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store bagi pengguna android dan menerusi App Store bagi pengguna Apple App Store bermula 1 April ini.

"Pelbagai perkhidmatan

ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan negeri melalui aplikasi ini antaranya perkhidmatan cukai tanah, kompaun dan caj warisan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Melaka Pay Mobile Apps Gerbang Pembayaran Bersepadu Negeri Melaka di Seri Negeri, pada 22 Mac lepas.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Datuk Seri Ghafar Atan serta Ketua Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) Jabatan Ketua Menteri Shamsudin Sharif.

Mengulas lanjut Sulaiman berkata, Melaka Pay di-

laksanakan menerusi empat langkah mudah iaitu daftar, login, semak dan bayar bil.

"Mod pembayaran secara dalam talian (online) menerusi perbankan Internet menggunakan Financial Process Exchange (FPX).

"Setiap transaksi yang berjaya akan dikenakan caj perkhidmatan bank sebanyak 50 sen bagi individu dan RM1 bagi syarikat mengikut ketetapan agensi terlibat," katanya.

Katanya, sebanyak lapan agensi kerajaan negeri yang menawarkan perkhidmatan menerusi aplikasi itu.

"Fasa 1 sebanyak 18 perkhidmatan melibatkan lapan agensi dan enam jenis perkhidmatan ditawarkan di terdiri daripada Pejabat Tanah dan Galian Melaka (PTG), Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah (PDTMT), PDT

II Setiap transaksi yang berjaya akan dikenakan caj perkhidmatan bank sebanyak 50 sen bagi individu dan RM1 bagi syarikat mengikut ketetapan agensi terlibat. **II**

AYER KEROH – Sebanyak 934 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara dikesan kurang aktif sekali gus berisiko tidak mendapat manfaat peruntukan berjumlah RM5.6 juta.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Wira Halimah Mohamed Sadique berkata, angka itu adalah daripada 8,674 KRT yang menjadi jentera perpaduan di bawah kementerian itu di seluruh negara untuk mendapat peruntukan keseluruhan RM50 juta yang diumumkan sebelum ini.

"Daripada 8,274 KRT, kita mengesan 934 adalah kurang aktif namun kita tidaklah akan tamatkan mereka sebaliknya akan melalui proses pemilihan baharu.

"Kalau tidak aktif, tak adalah kita beri (peruntukan

RM50 juta). Kita beri pada KRT yang aktif," katanya pada sidang media Majlis Perasmian Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Negeri Melaka 2021-2030 dan Program Malaysia Prihatin Komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Vaksin Untuk Semua di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) baru-baru ini.

Perasmian disempurnakan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr Hasim Hasan dan Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Wira Ar Ismail Othman.

Mengulas lanjut, Halimah berkata, beliau mengalaukan lebih banyak KRT ditubuhkan di seluruh negara bertepatan dengan pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) yang menetapkan satu KRT bagi setiap 1,000 buah rumah berbanding 1,500 rumah sebelum ini.

"Dengan penjenamaan baharu ini KRT ini dia akan ada nilai kerja, dulu kita ada gerak kerja, tapi kali ini kita lebih mantapannya.

"Kita ada empat gerak kerja utama dan kemudian kita susun balik buku pentadbiran dan pengurusan itu," katanya.

Tahun lalu, Kementerian Perpaduan Negara mengumumkan lebih 8,000 Rukun Tetangga menerima manfaat peruntukan RM50 juta dalam Belanjawan 2021.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ketika menerima dos kedua suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech dalam Program Imunisasi COVID-19 di Pekarangan Kompleks Seri Negeri, pada 23 Mac lepas.

Sulaiman menerusi hantaran akaun di Facebooknya berkata, beliau bersyukur kerana melengkapkan kedua-dua vaksin berkenaan menerusi Program Imunisasi COVID-19 peringkat negeri Melaka.

Beliau turut mengajak seluruh rakyat Melaka untuk menjayakan kempen daftar program imunisasi COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.

Jasin dan PDT Alor Gajah bagi perkhidmatan cukai tanah dan cukai petak.

"Manakala Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) bagi perkhidmatan cukai taksiran, kompaun dan caj warisan," katanya.

Tambah Sulaiman, turut disediakan adalah perkhidmatan bayaran balik pinjaman pendidikan Tabung Amanah Pendidikan Melaka (TAPEM).

Fasa kedua pula katanya melibatkan Pusat Zakat Melaka bagi bayaran zakat fitrah dan zakat pendapatan, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi wakaf dan fidyah serta empat pihak berkuasa tempa-

tan (PBT) bagi sewa gerai.

"Kerajaan negeri akan terus memaklumkan perluasan Melaka Pay dari semasa ke semasa melalui hebatan Portal e-Bayar (<https://ebayar.melaka.gov.my>), portal rasmi kerajaan negeri (<https://www.melaka.gov.my>), platform media sosial kerajaan negeri dan agensi-agensi yang terlibat," katanya.

MOTAC sedia dengan SOP gelembung perjalanan sambut pelancong



Meor Riduan Meor Ahmad

AYER KEROH – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersedia dari segi prosedur operasi standard (SOP) untuk melaksanakan gelembung perjalanan atau 'travel bubble' dengan beberapa negara bagi memulihkan sektor pelancongan dan kebudayaan di Malaysia.

Menterinya Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, SOP itu diperhalusi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri serta Majlis Keselamatan Negara (MKN), boleh diguna pakai jika melawat ke negara luar.

Katanya, kementerian mengenal pasti enam negara bagi pelaksanaan gelembung perjalanan iaitu negara ASEAN seperti Singapura,

Vietnam dan Brunei dan Asia Pasifik seperti Korea, Jepun dan Taiwan.

"Kita sudah bersedia (SOP), tapi semuanya bergantung kepada negara lain juga. SOP ini boleh diguna pakai jika kita pergi ke negara luar. Jika mereka (buka pintu sempadan) kita sudah bersedia."

"Sebenarnya kita hanya mencadangkan SOP, tapi bukan pihak berkuasa yang menentukan bagi membuka sempadan negara dan kita mendapatkan pandangan pelbagai kementerian yang bertanggungjawab secara langsung untuk melihat isu berkaitan di negara lain."

"Contohnya berkaitan kes positif (COVID-19) negara, Kementerian Luar Negeri, KKM dan KDN adalah tiga kementerian utama bertanggungjawab menasihati sama ada aktiviti (travel

bubble) boleh dibenarkan atau tidak. Apapun mereka benarkan kita buat perseiduan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sesi Jerayawa Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 membabitkan Zon Selatan iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor yang diadakan secara hibrid iaitu fizikal dan dalam talian di sebuah hotel di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Ketua Setiausaha MOTAC, Dato' Dr. Noor Zari Hamat.

Untuk rekod travel bubble adalah salah satu pelan pemulihran pelancongan dan kebudayaan dirangka kerajaan sejak

Julai tahun lalu dan SOP itu meliputi rentas sempadan oleh negara-negara yang selamat bagi memudahkan perjalanan dengan mengambil kira pandangan daripada agensi kesihatan negara masing-masing.

Sementara itu, Dato' Sri Hajah Nancy berkata, dalam keadaan negara masih berdepan pandemik COVID-19, kementerian melihat ekopelancongan menjadi teras penting menarik kehadiran pelancong.

"Kita mahu apabila disebut ekopelancongan, nama yang terlintas difikiran mereka (pelancong) adalah Malaysia."

"Jelas banyak tempat-tempat ekopelancongan yang belum kita terokai. Jadi kita (mesti) merebut peluang ini dengan memperbaiki infrastruktur supaya orang mudah pergi ke tempat-tempat ekopelancongan yang kita kenal pasti," katanya.

Tiada perancangan khusus buat penternak katak - Norhizam

SERI NEGERI - Tiada perancangan khusus buat penternak katak di negeri ini meskipun Melaka diumumkan sebagai negeri tertinggi dalam pengeluaran ternakan katak pada tahun lalu.

Menurut perangkaan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Melaka menghasilkan lebih 1.5 juta ekor katak bagi baka 'bull frog' spesies Rana Catesbeiana tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, JPV tidak mengeluarkan lesen kepada penternak itu tetapi memberi perkhidmatan sokongan berkaitan kesihatan ternakan.

"Memang setakat ini tiada sebarang perancangan khusus untuk penternak katak di Melaka dan kesemua penternak setakat ini mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan."

"Veterinar tidak keluarkan lesen kerana kebiasaan-nya lesen perniagaan adalah dari pihak berkuasa tempatan (PBT), melainkan khidmat sokongan kesihatan ternakan mereka," katanya kepada MHI.

Mengikut rekod JPV Melaka, sebanyak 330,000 ekor katak dikeluarkan di kawasan Alor Gajah melibatkan lima penternak, manakala di kawasan Jasin sebanyak 1,196,000 ekor katak melibatkan enam penternak.

Permintaan bagi pasaran ke Kuala Lumpur dan Singapura untuk katak bull frog mencecah 500 kilogram sehingga 3,000 kilogram seminggu dengan harga RM10 hingga RM15 sekilogram.

Bagi umpan pancing pula, harga seekor katak adalah RM0.23 hingga RM0.25 seekor.

Baru-baru ini, portal Utusan Malaysia memaklumkan Melaka menjadi negeri pengeluar ternakan katak tertinggi negara tahun lalu mengatasi Pulau Pinang dan Perak.

Selain Melaka yang berjaya menternak lebih satu juta katak, dua negeri lagi dikenal pasti JKV mempunyai perusahaan penternakan katak komersial di Malaysia iaitu Perak dan Pulau Pinang, namun jumlahnya agak kecil.

Perak cuma mampu menghasilkan sejumrah 147,289 ekor katak pada tahun lepas, bertambah sedikit daripada tahun sebelumnya hanya 140,600 ekor haiwan spesies dua alam berkenaan.

Sementara Pulau Pinang sekadar mengeluarkan sebanyak 67,683 ekor katak, merosot 2,317 ekor berbanding 70,000 ekor yang direkodkan pihak DVS pada tahun 2019.



DATO' Sri Nancy menunjukkan tanda bagus selepas melancarkan Kempen Shop And Be Rewarded di Pusat Beli-Belah Mahkota Parade, pada 23 Mac lepas.

Kempen 'Shop And Be Rewarded' Tourism Malaysia sedia baucar e-tunai bernilai RM450,000

Liana Sahabudin

BANDA HILIR – Tourism Malaysia menyediakan baucar e-tunai bernilai RM450,000 menerusi Kempen 'Shop And Be Rewarded' yang dilancarkan pada 23 Mac lepas.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, kempen itu bermula 26 sehingga 28 Mac ini melibatkan lebih 30 pusat beli-belah yang mengambil bahagian di seluruh negara.

Menurutnya, kempen promosi itu menawarkan baucar e-tunai yang mana setiap pembelian minimum RM50 melayakkkan mereka menerima diskon RM10.

"Negeri Melaka dipilih sebagai lokasi perasmian kempen kerana ia bertepatan sebagai negeri pelancongan utama di Malaysia," katanya ketika berucap pada

Perasmian Kempen Shop And Be Rewarded di Mahkota Parade di sini, baru-baru ini.

Jelasnya, kempen itu adalah satu inisiatif kerajaan dalam membantu merancakkan semula sektor membeli-belah di Malaysia yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19.

"Namun, kelonggaran diberikan kerajaan dengan membenarkan pembukaan sektor ekonomi telah memberi impak positif terhadap institusi beli-belah."

"Pada 2019, industri membeli-belah menjadi penyumbang utama kepada komponen perbelanjaan pelancong domestik sebanyak 37.8 peratus," katanya.

Hadir sama Pengurus Jawatankuasa Pelancongan Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis; Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Zulkifli

Md Said dan Presiden Persatuan Pengurusan Kompleks (PPK) Malaysia, Tan Sri Ir Teo Chiang Kok.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia menjalankan kerjasama dengan PPK Malaysia untuk menjayakan kempen tersebut.

Sementara itu, Chiang Kok berkata, kira-kira 2,000 premis perniagaan daripada pelbagai kategori terlibat dalam kempen berkenaan.

"Penganjuran kempen ini adalah inisiatif yang efektif sekali gus membantu memulihkan industri beli-belah yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19."

"Kita harap kempen ini dapat diteruskan di masa akan datang sekali gus merancakkan sektor ekonomi pelancongan negara," katanya.



Setinggi-tinggi
Tahniah
kepada
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
sempena
Sambutan Jubli Emas 50 Tahun

PKNM
50
tahun
1971 - 2021

PKNM Progresif



Ikhlas Daripada



LEMBAGA PENGARAH
PENGURUSAN & WARGA KERJA
KUMPULAN SYARIKAT
PERBADANAN MELAKA HOLDINGS SDN. BHD.

Hab Keusahawanan Morten Walk Persis 'Eropah' di Sungai Melaka

BANDARAYA MELAKA – Pembangunan pusat perniagaan baharu berkonsep moden persis di Eropah yang dikenali sebagai Hab Keusahawanan Morten Walk di Kampung Morten, di sini, dijangka bukan sahaja dapat memperkasakan sektor keusahawanan bahkan memberi nilai tambah kepada sumber ekonomi di negeri ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pembangunan hab keusahawanan oleh UDA Holdings Berhad (UDA) dilihat mempunyai potensi besar di dalam pelbagai sudut memandangkan ia dibangunkan di kawasan bandar yang mempunyai lokasi strategik di tepian sungai.

Scara tidak langsung, jelasnya ia turut memberikan impak positif kepada sektor pelancongan Melaka yang sebelum ini sudah cukup terkenal sebagai negeri tarikan

pelancong yang mempunyai nilai sejarah dan warisannya.

"Bagi saya, reka bentuk yang akan diperkenalkan itu sendiri sudah cukup menarik, ia kelihatan santai dan berada di tengah bandar serta tepi sungai yang mana rakyat zaman sekarang gemarkan lokasi seperti ini bagi tujuan bersantai dan lepak."

"Ia seolah-olah sama seperti di Eropah yang mana masyarakatnya gemarkan tempat yang santai dan mempunyai anjung dan kerusi-kerusi serta parasol di tepi sungai."

"Sudah tentu ia akan meningkatkan tarikan pelancong kepada Melaka dan memberi nilai tambah kepada segala usaha pelancongan yang sebelum ini terkesan dengan pandemik COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Hab Keusahawanan Morten Walk di Kampung Morten, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan-



WAN Junaidi (kiri) bersama Jalaluddin (kanan) melawat tapak pameran selepas majlis perasmian pecah tanah Hab Keusahawanan Morten Walk di Kampung Morten, baru-baru ini. FOTO MR AZLI

nya, Datuk Wira Mas Er-mieyati Samsudin, Ketua Setiausaha MEDAC Datuk Suriani Ahmad dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Salhah Salleh.

Hab keusahawanan bernilai RM8 juta itu dibangunkan di atas tanah berkeluasan 1.67 hektar dan projek pembinaannya sudah dibuka sekarang dan dijangka akan mula beroperasi pada Oktober

depan.

Ia menawarkan 100 ruang sewaan untuk usahawan meliputi lot berbentuk kabin dan lot promosi untuk perniagaan makanan, minuman, fesyen, aksesori, kedai pelbagai

dan kedai teknologi maklumat (IT) selain dilengkapi sebuah dewan serba guna berkapasiti 500 orang dan 11 kemudahan tambahan seperti ruang seni dan kebudayaan serta pusat riadah kanak-kanak.

Sementara itu, Pengurus UDA Datuk Seri Jalaluddin Alias dalam ucapannya memaklumkan pihaknya selaku pemilik tanah dan penyedia ruang niaga, sedia menawarkan pelbagai bentuk bantuan kepada usahawan yang berminta.

Katanya, antara bantuan itu termasuk kadar sewaan di bawah harga pasaran serta insentif berupa kos pengurusan atau rebat sewaan dan manfaat fasiliti bagi menggalakkan usahawan tempatan berniaga di hab keusahawanan itu.

"Semoga ia dapat menjadi pemangkin dalam melahirkan lebih ramai usahawan di seluruh Malaysia selari dengan prinsip perniagaan UDA iaitu memperkasa gaya hidup lestari," katanya.

Penganggur jangan memilih kerja

Norizan Muhib

JASIN – Mereka yang masih menganggur dinasihatkan supaya tidak terlalu memilih pekerjaan memandangkan pelbagai peluang dan insentif disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu mereka memperoleh pekerjaan.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Wira Ar. Ismail Othman berkata, alasan golongan itu bahawa tiada pekerjaan yang sesuai untuk mereka adalah tidak wajar kerana banyak peluang pekerjaan dan skil diri disediakan termasuk melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurutnya, antara insentif pekerjaan disediakan seperti MyFutureJobs, Hiring Incentive, Penjaya

kerja dan pelbagai siri karnival pekerjaan yang menawarkan lebih sejahtera kekosongan jawatan di seluruh negara daripada 55,811 majikan yang terlibat program MyFutureJobs sahaja.

"Saya harap mereka yang masih belum mempunyai pekerjaan janganlah terlalu memilih mengikut kelebihan akademik mereka, malah lepasan SPM tidak terkecuali juga kerana banyak agensi yang menawarkan skil diri mengikut minat serta kebolehan mereka.

"Masalah pertambahan pengangguran di negara ini dapat diatasi sekiranya pencari kerja sendiri dan masyarakat berganding buku membantu sama lain kerana kerajaan sudah berusaha menyediakan kemudahan yang sepatutnya untuk mereka," katanya kepada media selepas merasmikan Mini Karnival Kerjaya 2021 anjuran PERKESO yang

turut diserta Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Datuk Aziz Mohammed.

Sembilan majikan menyertai program itu menyediakan lebih 400 kekosongan pelbagai jawatan dan walaupun baru dua jam program berlangsung sudah 60 orang daripada 160 yang hadir sudah ditawarkan pekerjaan.

Antara majikan terbabit ialah Mydin Mohamed Holdings Berhad, Sime Darby Plantation, Mega Printing, United Malacca Berhad, MFS Technology dan Kellys Services.

Sehubungan itu menurut Ismail, pihaknya sudah menganjurkan kumpulan penggerak masyarakat seperti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan pertubuhan bukan kerajaan di semua kawasan mengenai pasti anggota masyarakatnya yang mengang-

gur dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Ujarnya, ia bagi memastikan golongan tersebut mengetahui peluang dan insentif pekerjaan yang disediakan untuk mereka sekali gus kemudahan dapat dimanfaatkan sejawarnya demi memastikan Melaka mencapai matlamat negeri sifar pengangguran.

Kata beliau, pada ketika ini kira-kira 15,000 rakyat negeri ini sedang mencari pekerjaan dan terdapat lebih 30,000 peluang pekerjaan telah tersedia untuk mereka.

"Bagi menampung permintaan itu, kerajaan negeri sendiri dengan kerjasama agensi kerajaan berkaitan akan menganjurkan Karnival Pekerjaan bulan depan membabitkan daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah dan lebih ramai majikan menjayakan program tersebut," katanya.

Sementara itu menurut Dr. Mohammed Azman, setakat Januari hingga pertengahan Mac lalu, seramai 18,074 yang hilang pekerjaan dengan jumlah pampasan PERKESO RM90.45 juta manakala Melaka mencatatkan 591 orang berjumlah RM2.52 juta.

"Kita dapat ada peningkatan sedikit dalam kalangan mereka yang hilang pekerjaan berbanding tempoh yang sama tahun lalu namun kita yakin jumlah ini akan berkurangan memudahkan pelbagai insentif peluang kerja dan eluan disediakan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan semula," katanya.

Menurutnya, setakat ini, seramai 653,304 orang pencari kerja di seluruh negara dan lebih sejuta kekosongan jawatan disediakan oleh 55,811 majikan berdaftar dengan program MyFutureJobs PERKESO.

Penyelidik UTeM menang Eco Champion Awards 2021

DURIAN TUNGGAL – Sistem pemantauan kualiti air tawar berdasarkan Internet Kebenaran (IoT) rekaan kumpulan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), berjaya memenangi geran penyelidikan Eco Champion Awards 2021, baru-baru ini.

Geran itu diberikan Tabung Alam Sedunia (WWF) Malaysia sebagai pengiktirafan kepada kumpulan penyelidik terbabit yang menjalankan akitiviti inisiatif hijau dan alam sekitar untuk komuniti setempat.

Naib Canselor UTeM Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim berkata, usaha itu memb-

antu pihak berkuasa memantau dan mengawasi kualiti air tawar secara jauh serta mengesan sebarang pencemaran air tawar yang berlaku dengan lebih awal.

"Fasa awal pertandingan mereka telah siapkan kertas cadangan projek pada 15 Disember 2020, manakala penghasilan video pendek dilengkapkan sebelumnya bagi menerangkan tentang cadangan projek pada 27 Januari 2021.

"Hasil keputusan penilaian mengumumkan projek cadangan mereka berjaya terpilih dan memenangi geran khas bernilai RM3,000,"

katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) UTeM diketuai Ir Ts. Dr S. Ranjit Singh bersama ahlinya Ir Siti Aisyah Anas dan Muhammad Faiz Mohd Kamal yang merupakan pelajar pascaswazah.

Sementara itu, Ranjit berkata, program yang akan dijayakan selepas menerima geran itu meliputi pembangunan sistem, pengujian sistem dan penyediaan laporan dalam tempoh projek sebenar bermula 31 Mac hingga 10 Jun 2021.

"Ekoran larangan pergerakan rentas negeri disebabkan pandemik Covid-19 yang sepertinya melaksanakan pengujian sistem di kawasan air tawar sekitar Lembah Klang, sistem ini akan diuji di Sungai Melaka terlebih dahulu.

"Ia bagi tujuan verifikasi awal terhadap kebolehfasian sistem dalam memantau kualiti air tawar," katanya.

Ranjit berharap usaha itu berjaya menghasilkan sistem untuk mengesan parameter air fizikalokimia menggunakan sensor berkos rendah serta menguji tahap keberkesanannya dalam mengesan pencemaran air tawar.



KARNIVAL KERJAYA

3DAERAH

PERINGKAT NEGERI MELAKA

ANJURAN KERAJAAN NEGERI MELAKA MELALUI UPEN DAN INSTITUT TUN PERAK

10 APRIL 2021, SABTU

8.00 PAGI - 5.30 PETANG

KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH, MELAKA

- LEBIH 2,000 PELUANG PEKERJAAN MENANTI ANDA
- LEBIH 40 MAJIKAN TERLIBAT
- CERAMAH TOKOH USAHAWAN
- PELBAGAI PAMERAN DARI AGENSI KERAJAAN DAN PELUANG MELANJUTKAN PENGAJIAN KE IPTA SERTA IPTS



UNTUK PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+06-317 4475 +6011-1111 7547

Anjuran:



Dengan Kerjasama:



Melibatkan lima agensi Kerajaan Melaka

Kolej Universiti Lincoln jalin kerjasama

SERI NEGERI – Kolej Universiti Lincoln (LUC) pada 22 Mac lepas, telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Melaka bagi tujuan menjalinkan kerjasama dengan lima agensi Kerajaan Melaka.

Lima agensi itu ialah Hospital Pakar Putra, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Yayasan Melaka, Melaka International College of Science and Technology (MiCoST) dan Institut Tun Perak.

Dalam lawatan tersebut, turut diadakan majlis menandatangani Surat Pernyataan Hasrat atau *Letter of Intent* (LoI) bersama empat agensi tersebut (kecuali Yayasan Melaka) yang telah disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sulaiman dalam majlis itu menzahirkan harapan kerjasama yang dimeterai itu akan mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negeri ini dalam pelbagai sudut terutama membabitkan bidang pendidikan dengan agensi seperti KUIM, MiCoST dan Hospital Pakar Putra.

"Melalui kerjasama dengan Yayasan Melaka, diharapkan pihak



DR Amiya (dua kanan) ketika bertukar dokumen LoI dengan Dr Sabri (dua kiri) sambil disaksikan Sulaiman (tengah), Dr Hasim (kiri) dan Bibi Florina (kanan).

LUC boleh membawa pelaburan yang baik ke negeri ini, melalui pembukaan cawangannya di Melaka, jika pihak LUC berhasrat untuk melaburkan sayap pendidikannya di negeri ini.

"Secara tidak langsung akan merancakkan pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan tambahan kepada rakyat serta Negeri Melaka. Jika ini berlaku, akan memberi manfaat kepada rakyat di negeri

ini melalui peluang pekerjaan dan bagi mereka yang bermingat untuk menyambung pengajian di LUC.

"Selain itu kerjasama yang diajlin itu juga diharap dapat memberi manfaat dalam latihan dan kemahi-

ran serta meneroka kerjasama dalam pembangunan insan, nilai tambah dan 'big data' dengan Institut Tun Perak serta agensi lain yang relevan," katanya.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan, Setiausaha Politik Ketua Menteri Datuk Wira Sazali Mohd Din, Penasihat Undang-undang Negeri Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas, Pegawai Kewangan Negeri Datuk Zaidi Johari dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (Pembangunan) Datuk Salihah Salleh.

Majlis turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif Putra Specialist Hospital Datuk Wira Radhuana Salleh, Naib Canselor KUIM Profesor Datuk Dr. Mohd Taib Dora dan Ketua Pegawai Eksekutif MiCOST Akmal Abdul Manap.

LUC pula diwakili Pro Canselor Datuk Bibi Florina Abdullah, Presiden LUC Profesor Dr Amiya Bhaumik dan Ketua Pegawai Eksekutif LUC Datuk (AMB) Dr. Mohd Yusoff A.Bakar.

Kolej Universiti Lincoln bakal buka cawangan di Melaka

Faiz Hasan

KOLEJ Universiti Lincoln (LUC) bakal membuka kampus cawangannya di negeri ini bagi memperluas peluang pendidikan dalam bidang penyelidikan, inovasi dan komersial.

Difahamkan pelbagai perancangan diaitur bagi menjayakan rancangan itu menerusi pertemuan delegasi kolej universiti terbabit termasuk pemeteraian Surat Hasrat (LOI) bersama agensi terpilih di negeri ini.

Penyelaras Program Lawatan Rasmi LUC ke Melaka, Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI) tidak menolak kemungkinan itu, namun menegaskan perbincangan lanjut akan diadakan selepas ini.

Katanya, pengajian dalam sektor kedotoran, farmasi, sains bersekutu dan pergigian antara pengajian relevan yang perlu dikembangkan di negeri ini.

"Hasil lawatan di Bangunan Wisma Seri

Negeri lama, Jalan Hang Tuah, delegasi itu dilihat berminat bagi menjadikan kampus cawangan di situ.

"Bagaimanapun saya difahamkan kerajaan negeri akan mencadangkan beberapa bangunan yang lain yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang akan ditawarkan," katanya.

Beliau memaklumkan pelbagai kerjasama pendidikan akan dijalin bersama dengan institusi lain termasuk Kolej Universiti

Islam Melaka (KUIM), Kolej Sains dan Teknologi Antarabangsa Melaka (MiCoST), Institut Tun Perak dan Hospital Pakar Putra.

"Menerusi kerjasama ini ia akan merancakkan pendidikan, penyelidikan dan inovasi di Melaka dengan kerjasama institusi terlibat."

"Pelbagai perancangan lain turut ditumpukan termasuk usaha menaikkan ranking KUIM ke arah lebih baik dalam pembentukan universiti penuh tidak lama lagi," katanya.

Dikembalikan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Melaka 'Bagai sirih pulang ke gagang'



SULAIMAN (dua kiri) menyaksikan pertukaran dokumen antara Mohd Saleh Jusman (kiri) dan Khirun Nizam (kanan) sambil diperhatikan Salihah (dua kanan) selepas Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2021 secara maya di Kompleks JAPERUN Lendu, baru-baru ini.

Farah Suhaidah Othman

LENDU – Lima hutan lipur dan hutan rekreasi di negeri ini dikembalikan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) untuk diuruskan serta dijenamakan semula sebagai Taman Eko Rimba (TER).

Lima hutan lipur dan hutan rekreasi itu adalah Hutan Simpan Bukit Sedanan, Hutan Paya Laut Linggi, Hutan Rekreasi Sungai Udang, Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah dan Hutan Rekreasi Tanjung Tuan.

Hutan Rekreasi Ayer Keroh atau Taman Botanikal Melaka masih di bawah tanggungjawab dan pengurusan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, sebelum ini pengurusan dan penyelenggaraan kelima-lima hutan berkenaan diserahkan kepada Kumpulan Melaka Berhad (KMB) menerusi keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) pada 18 Julai 2012.

Bagaimanapun, menerusi MMKN yang bersidang pada 17 Februari lalu, kerajaan negeri mengambil keputusan untuk menyerahkan kembali pengurusan dan penyelenggaraan semua kemudahan hutan berkenaan kepada Jabatan Perhutanan negeri berkuat kuasa 21 Mac lepas.

"Sebelum ini pengurusan terhadap kemudahan yang ada dalam hutan lipur dan hutan

rekreasi diuruskan oleh KMB manakala Jabatan Perhutanan hanya menyelenggara pokok atau tumbuhan yang ada dalam hutan berkenaan."

"Bagai sirih pulang ke gagang, jadi kita putuskan semua kemudahan dan penyelenggaran hutan berkenaan kini diuruskan oleh Jabatan Perhutanan negeri manakala KMB berbalik semua kepada urusan pembangunan sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2021 secara maya di bangunan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Lendu, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Datuk Salihah Salleh, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, Khirun Nizam Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif KMB, Mohd Saleh Jusman.

Sulaiman berkata, penyerahan semula semua hutan lipur dan hutan rekreasi itu dipersetujui selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia yang dirasmikan pada 21 Mac lepas.

"Sebagaimana penyatuan Dasar Perhutanan Malaysia yang menyatukan dasar perhutanan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kerajaan negeri turut menyatukan semula semua fasiliti dalam hutan lipur dan hutan rekreasi di negeri di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan," katanya.



Setinggi-tinggi

Tahniah
kepada

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

sempena

SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN



PKNM Progresif

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

Setulus Ikhlas Daripada





AHMAD semasa melepaskan benih udang galah di Sungai Kesang, baru-baru ini

Sasar 280,000 benih udang galah, ikan dilepaskan

Liana Sahabudin

SUNGAI RAMBAI – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyasarkan 280,000 benih udang galah

dan ikan dilepaskan di perairan umum di Melaka tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah

berkata, daripada jumlah itu 100,000 benih udang galah dilepaskan di Sungai Kesang, Jasin.

Menurutnya, bagaimanapun program inventori

sungai dilaksanakan terlebih dahulu sebelum pelepasan benih udang galah dibuat bagi mengenalpasti kawasan dan spesies asli itu.

"Dengan adanya usaha

ini kita dapat menambah stok udang galah di perairan umum dan melindungi stok ikan asli.

"Selain itu jabatan juga memperkenan perikanan rekreasi sebagai aktiviti utama perairan berdekatan bandar dan membangunkan perusahaan pelancongan berdasarkan perikanan rekreasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Pelepasan Benih Udang Galah ke perairan Umum dan Penyerahan Bantuan Sistem Penyampaian & Khidmat Sokongan Akuakultur (SPeKS) di Sungai Kesang, baru-baru ini.

Dalam pada itu Ahmad berkata, nelayan darat di kawasan sekitar diharap tidak menggunakan jala bagi menangkap spesies itu.

"Gunalah pancing dahulu, kita nak elakkan hidupan ini daripada terus terancam kerana ia boleh menjana sumber pendapatan

nelayan darat.

"Lagipun tempoh matang bagi udang galah ini mengambil masa empat ke enam bulan," katanya lagi.

Pada program itu, Ahmad turut menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat kepada 40 nelayan darat Daerah Alor Gajah dan lima nelayan darat Daerah Jasin.

Selain itu, seramai lima penternak di Daerah Alor Gajah dan empat penternak Daerah Jasin menerima bantuan SPeKS berbentuk peralatan akuakultur, makanan ternakan, benih ikan dan pembinaan rak kupang bernilai RM211,400.

Hadir sama Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hasan Baktee dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Wira Ghazale Muhamad.



AHMAD menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat kepada Yazid Hamdan pada program itu sambil diiringi Norhizam (kiri) dan Ghazale (tiga kiri).

Keenakan mangga harum manis Kemboja

Din Ahmad

MASJID TANAH – Walaupun rasanya tidak semanis mangga harum manis Perlis, harum manis Kemboja tetap menerima sambutan baik pelanggan kerana keenakannya.

Bagi Nurul Ain Khalid, 30, mangga berkenaan yang dibelinya di Kuala Lumpur dua minggu lalu kini 'laku keras' sedangkan pada mulanya dia hanya ingin menikmatinya bersama ahli keluarga.

Penggemar mangga itu ber-

kata, apabila mendapati buah berkenaan lebih rendah harganya berbanding harum manis Perlis, dia berusaha mendapatkannya dari pada pemborong di Kuala Lumpur yang mengimport dari Kemboja.

"Kami jual harum manis Kemboja RM20 untuk empat kilogram (kg) dan ia mendapat sambutan menggalakkan daripada penggemar mangga."

"Dalam tempoh dua minggu kami sudah mendapatkan kira-kira 100 bakul harum manis Kemboja yang manis dan menyelerakan," katanya.

Nurul Ain berkata, buah berkenaan adalah gred 10A berdasarkan saiznya yang besar dan cantik tanpa

lubang atau kesan rosak pada kulit dan isi.

Pelanggan, Suriati Abdul Rahman, 46, berkata dia tidak ketinggalan menikmati buah berkenaan kerana rasanya yang manis dan lazat.

"Buah-buahan premium tidak dijual di pasar biasa atau gerai di tepi jalan, sebaliknya ia jual pihak tertentu yang mendapatkannya daripada pemborong di Kuala Lumpur."

"Walaupun harganya agak tinggi berbanding buah-buahan tempatan, ia memberikan kepuasan kepada saya dan anggota keluarga yang gemar akan buah berkualiti tinggi," katanya.

Dia berkata, selain harum manis Kemboja, dia turut mendapat buah premium lain seperti anggur, strawberi dan ceri Argentina, selain delima Mesir dari pada peniaga lain.



NURUL AIN dan suaminya menimbang buah mangga harum manis Kemboja di kediaman mereka di Kampung Solok Duku, Masjid Tanah.



Setinggi-tinggi

Tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun



PKNM Progresif

Setulus Ikhlas Daripada

DAZSTM
DONUTS & COFFEE

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

‘Ringankan beban ibu’

Din Ahmad

ALOR GAJAH – “Alhamdulillah, dapatlah juga bantuan ini meringankan beban ibu yang bergantung rezeki mengambil upah menjahit,” kata Muhammad Basyar Husaimi, 23.

Penuntut Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Ayer Pa’abas, di sini itu berkata, sumbangan berkenaan meringankan beban ibunya, Khadijah Ahmad, 47, untuk membiayai pengajiannya.

Katanya, ibunya hanya bergantung rezeki mengambil upah menjahit di Kampung Padang Lalang Katil, Kuala Kangsar Perak sejak berpisah dengan bapanya beberapa tahun lalu.

“Sebagai anak sulung daripada empat beradik sumbangan ini bernilai RM450 ini amat besar nilainya dan terima kasih kepada RISDA kerana sudi membantu keluarga

saya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian zakat korporat RISDA oleh Pengurusnya, Datuk Mohd Salim Mohd Sharif kepada 300 penuntut UCAM, baru-baru ini.

Muhammad Basyar dan dua penuntut lain, iaitu Muhammad Hanif Shahrin dan Ahmad Kazim Mohd, keduanya berusia 23 tahun adalah penerima Skim Subsidi Makanan bernilai RM450 seorang.

Muhammad Hanif berkata, bapanya Shahrin Yaakob, 57, hanya menyara keluarga dengan mengambil upah menoreh kebun orang lain di Kampung Haji Safar Bukit Selambau, Sungai Petani Kedah.

“Alhamdulillah, saya akan gunakan wang ini untuk hal penting dan sama sekali tidak akan membazirkannya,” katanya.

Ahmad Kazim berkata,



MUHAMMAD Hanif (kiri), Muhammad Basyar (tengah) dan Ahmad Kazim (kanan) ceria menerima sumbangan Skim Subsidi Makanan RISDA di UCAM, Ayer Pa’abas, Alor Gajah, baru-baru ini.

bapanya Mohd Alauddin Busu Hanifah, 65, sudah bersara sebagai juruteknik dan sudah uzur di Taman Seri Semantan, Temerloh Pahang.

Melalui sumbangan itu,

Yayasan RISDA dan RISDA Ventures Sdn Bhd (RVSBD) memperuntuk kira-kira RM100,000 bagi memberikan sumbangan itu kepada lebih 300 penuntut terbabit.

Selain ketiga-tiga penuntut terbabit, seramai 104 penuntut menerima sumbangan RM250 seorang daripada Yayasan RISDA.

RVSBD menyampaikan

sumbangan RM500 secara sekalii terima kepada 45 penuntut fakir dan miskin, selain 175 penuntut kategori Fisabililah menikmati bantuan RM200.

CIRI-CIRI MENARIK

- ✓ **PEGANGAN BEBAS (FREEHOLD)**
- ✓ **Sedia diduduki dengan CCC**
- ✓ **Hanya 10 minit ke pusat bandar dan Melaka Raya**





TAMAN PASIR EMAS

HARGA DARIPADA
RM 7xx,xxx.xx

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (SEMI-D) 40' X 85'
5 Bilik + 2 Utiliti + 5 Bilik Air

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
Yakin Kenari Sdn. Bhd.
014-3314363 (Puan Sue)
018-7725854 (Ms Cindy)
06-3354363 (Pejabat)



Tahniah Setinggi-tinggi

kepada

**PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI MELAKA**

sempena

**SAMBUTAN JUBLI EMAS
50 TAHUN**

PKNM
50 *tahun*
1971 - 2021
PKNM Progresif

**BUFET RAMADHAN
JUADAH WARISAN**

PROMOSI
PEMBELIAN AWAL

4 MAC - 12 APRIL 2021

RM88.00 bersih/seorang

**PAKEJ MAJLIS
IFTAR RAMADHAN**

HARGA ISTIMEWA

RM70.00 bersih/seorang

*Tempahan minima 50 orang dan keatas.

13 APRIL - 12 MEI 2021

RM98.00 bersih/seorang
RM68.00 bersih/seorang
KANAK-KANAK & WARGA EMAS

13 APRIL - 12 MEI 2021
6.30 PETANG - 10.00 MALAM

PERSEMBAHAN GHAZAL
SECARA LANGSUNG
SURAU DISEDIAKAN



+606 281 6868

www.lacrista.com.my

@LaCristaHotel



LaCrista Hotel

"Your Personalised Lifestyle Hotel"

Produk warisan Melaka kini dijual dalam Shopee

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Seiring dengan kemajuan teknologi, Institut Warisan Melaka (INSWA) mengorak langkah

apabila mula memasarkan produk berteraskan warisan Melaka secara dalam talian menggunakan platform digital e-dagang.

Peminat seni dan orang

ramai kini berpeluang membeli segala produk berteraskan warisan seperti songket tenun bunga kesidang, buku-buku terbitan INSWA serta pelbagai jenis cenderamata

berteraskan warisan menerusi platform Shopee.

Turut dijual adalah baju tradisional Melayu serta pelbagai etnik lainnya, keris dan senjata tradisional, setanjak, pelbagai aksesori pakaian tradisi, kraf tangan warisan negeri Melaka serta pelbagai barang lain

Pengurus Besar INSWA, Nurman Mohd Baroldin berkata, lebih menarik, makanan warisan Melaka, ‘Kuih Bakau’, juga menjadi antara produk terbaharu dan popular dari INSWA yang mana ia boleh didapati dalam pelbagai pakej menarik secara dalam talian.

“Inisiatif itu diambil bagi memudahkan orang ramai mendapatkan produk warisan dengan mudah apatah lagi ketika negara sedang berdepan dengan pandemik

COVID-19 yang mengehadkan segala urusan.

“Jualan menerusi laman Shopee ini membuktikan komitmen INSWA bagi memudahkan orang ramai mendapatkan produk warisan dengan mudah dan berkesan, selain memudahkan pengguna memilih produk yang bersesuaian,” katanya.

Menerusi usaha itu kata dia, orang ramai hanya perlu mengekang sahaja butang pilih di telefon pintar sebelum barang warisan yang dihajati sampai di hadapan pintu rumah mereka.

Menurutnya, INSWA kini mempunyai pelbagai produk warisan dengan kualiti tinggi apabila menjadi pusat sehenti bagi memasarkan produk warisan yang dihasilkan oleh pengusaha terutamanya dari Me-




NURMAN

laka.

Tambahnya, terdapat beratus barang berteraskan warisan yang sukar ditemui di pasaran kini boleh didapati dengan mudah menerusi laman jual beli dalam talian.

“Selain Shopee, INSWA juga sedang mengadakan kerjasama dengan Tourism Melaka bagi memasarkan barang menerusi LAZADA malahan semua barang berteraskan warisan juga boleh didapati menerusi laman web INSWA yang terkini,” katanya lagi.

Taman Seri Mangga Sek - 1



RUMAH TERES SETINGKAT

22' x 70'

(4 bilik tidur, 2 bilik air)

HARGA JUALAN
Min RM336,400.00
(bermula dari)



GROUND FLOOR PLAN CORNER LOT



Tiong Yuen Development Sdn Bhd
No. 37-Grd Flr, Jalan Kesidang 3/11,
Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak,
75300 Melaka.



No. Telefon
06-3371389 (Pejabat)
011-35042516 (TINI)
012-2196788 (Peggy Lim)

中原發展有限公司

TIONG YUEN DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No. 148322-W)
No. 37, Jalan Kesidang 3/11, Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka
Tel: 06-337 1389 Fax: 06-337 3855
Email Address: tydevelopment@yahoo.com



Setinggi-tinggi

Tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun



PKNM Progresif

Setulus Ikhlas Daripada



MFS TECHNOLOGY (M) SDN BHD

Kedai makan Melayu guna pelayan robot

Norizan Muhib

TAMAN MERDEKA - Melihat dari luar Restoran Nasi Ayam Baba dekat Taman Merdeka kelihatan sama dengan kedai nasi ayam lain yang terdapat di mana-mana sekarang ini.

Namun, tanggapan ini pasti berubah dan mungkin ada dalam kalangan kita terkejut apabila tiba-tiba setelah memesan makanan dan minuman, anda didatangi 'Kak Nab', panggilan untuk pelayan robot akan menghidang nasi ayam dan minuman yang baharu dipesan.

Terletak di Jalan Pegaga Taman Merdeka, Restoran Nasi Ayam Baba menjadi antara kedai makanan Melayu pertama di Malaysia yang menggunakan robot sebagai pelayan di premis mereka selain beberapa kedai makanan sedia ada yang diusahakan oleh peniaga bukan Islam di Banda Hilir.

Menurut Penyelia restoran itu, Mohd. Rozali Muda, pemilik restoran berhasrat mencipta kelebihan dengan memperkenalkan robot sebagai pelayan di situ dan mengeluarkan kos perbelanjaan membeli Kak Nab pada harga RM40,000 sebuah.

"Walaupun agak mahal,



MOHD ROZALI...pemilik restoran berhasrat mencipta kelebihan dengan memperkenalkan robot sebagai pelayan.

namun usaha pemilik berbaloi kerana sejak tiga bulan memperkenalkan Kak Nab, boleh dikatakan hampir setiap hari restoran kami sentiasa dikunjungi pelanggan berbanding sebelum ini, pendapatan hasil restoran juga bertambah.

"Selain ingin mencuba menu istimewa iaitu nasi ayam, pelanggan juga kelihatan teruja untuk bertemu dan melihat Kak Nab dengan lebih dekat," katanya ketika ditemui MHI.

Katanya, selain menghidangkan makanan, Kak Nab juga

mampu membuat tugas lain termasuk menyanyikan lagu Hari Jadi kepada pelanggan yang berharsrat membuat sambutan ulang tahun di premis restoran berkenaan.

"Kak Nab akan datang menghantar makanan ke meja pelanggan dan selepas itu, pelanggan mengambil pesanan yang terhidaung di ruang letak dan terakhir menekan butang selesai.

"Menggunakan robot ini sangat memudahkan operasi kerja harian di restoran dan setakat ini, Kak Nab belum menimbulkan apa-apa masalah lagi malah kerja lebih lancar," katanya.

Menurut beliau, biarpun kini sudah mempunyai robot, pihaknya tetap memerlukan tenaga 40 pekerja di restoran itu dan bakal membuka cawangan ketiga di Bukit Rambai pada 1 April.

Ujar Mohd Rozali, Restoran Nasi Ayam Baba sudah beroperasi selama empat tahun di Melaka, Taman Pegaga adalah cawangan pertama manakala kedua di Hang Tuah Mall.

"Majikan belum buat keputusan lagi sama ada ingin menggunakan robot sebagai pelayan di cawangan lain, terpulang kepada respon pelanggan nanti," katanya.



PENGUNAAN robot digelar 'Kak Nab' bukan saja melancarkan operasi malah menarik kehadiran pelanggan untuk melihat dari dekat keunikan robot ini.

Angkasa Nuri

Siap dengan CCC

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT

HARGA HOC dari **RM337,500**

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

E RUMAH BANGLO 2 TINGKAT

RM540,000

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

D RUMAH BANGLO 2 TINGKAT

RM780,000

Pemaju:
Skyline Resources (M) Sdn Bhd (405057-V)
D8-08 Plaza Jayamuda, Jalan Pelandok Putih, 75300 Melaka.
Tel: 012 252 8858 (Salbiah) Fax: 06-284 5740
06-283 5442 www.jaymuda.com

JAYMUDA GROUP

佳 雅 集 團



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Bersama membimbing asnaf zakat

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

TIDAK dinafikan bahawa golongan fakir dan miskin termasuk kumpulan paling utama ditentukan Allah SWT untuk menerima pembahagian harta zakat. "Sesungguhnya sedekah-sedekaht itu (zakat) adalah untuk golongan fakir dan miskin," (surah at-Taubah ayat : 60)

Ulama Fikah (fuqaha) merumuskan bahawa asnaf fakir dan miskin hendaklah diberikan keutamaan dalam pengagihan wang atau harta zakat.

Maka, jika ada dakwaan yang mengatakan fakir dan miskin terabai, hal itu hendaklah disiasat dengan penuh rapi.

Ini kerana mengabaikan golongan fakir dan miskin bererti mengabaikan perintah dan tuntutan Allah SWT, malah fuqaha menyatakan, seandainya muharrim memindahkan wang zakat keluar daerah atau negeri sekali pun, antara syarat utamanya hendaklah dipastikan terlebih dahulu golongan fakir dan miskin di tempat

- Penumpuan juga diberikan kepada generasi kedua asnaf yang merupakan anak-anak mereka dengan menyediakan pelan pendidikan lebih komprehensif dan sehingga kini sudah dilihat kesannya.

asal telah disantuni secukupnya. Jika masih ada yang memerlukan, maka adalah ditegah ia disalurkan kepada orang yang berada di luar kawasan daripada mana harta zakat itu diperoleh.

Dalilnya, ketika Nabi Muhammad SAW mengutuskan Saidina Muadz bin Jabal r.a. ke Yemen, Nabi berpesan kepada mereka: "(Nanti di Yemen) kamu ambillah daripada harta kekayaan mereka (penduduk yang kaya sebagai zakat) dan kamu agihkan kembali kepada orang fakir (dan miskin) dalam kalangan mereka (penduduk Yemen)," - Muttafaqun 'Alaih

Antara langkah yang diambil Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bahagian Agihan Zakat dalam usaha memberi didikan ke-



ANAK-ANAK asnaf mengikuti kursus pendidikan kendiri.

pada fakir dan miskin ini adalah dengan meminta mereka menghadiri

kelas pengajian agama atau mengikuti kursus-kursus bersesuaian yang diadakan.

Penumpuan juga diberikan kepada generasi kedua asnaf yang merupakan anak-anak mereka dengan menyediakan pelan pendidikan lebih komprehensif dan sehingga kini sudah dilihat kesannya.

Bagaimanapun, usaha yang dilakukan MAIM mahu pun mana-mana agensi zakat lain, hanya akan menampakkan hasil sekiranya asnaf itu sendiri berkemahan untuk mengubah nasib diri mereka.

Perkara ini selari dengan firman Allah SWT yang mengingatkan: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, sehinggalah mereka sendiri yang berusaha mengubah apa (keadaan) yang ada pada diri mereka sendiri."

(ar-Ra'du: 11)

Sementara itu, masyarakat juga boleh bersama membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau agensi zakat dalam mendidik golongan asnaf dengan menjadi mata dan telinga serta mata rantai untuk sentiasa memberikan laporan bagi memperbaiki jati diri asnaf.

Ini kerana, masyarakat setempat adalah lebih dekat dengan komuniti dan memahami susur budaya muppen perkembangan persekitaran dalam kehidupan mereka.

Usaha memperkasa asnaf fakir dan miskin untuk berdikari adalah tugas yang sangat berat dan Nabi Muhammad SAW sendiri menegaskan, baginda tidak begitu bimbang dengan kemiskinan harta tetapi baginda lebih bimbangkan kemiskinan jiwa.



PRODUK asnaf yang mampu dikomersialkan demi menjana pendapatan sampingan.

Ke Manakah Wakaf Anda?

Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka

Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembaikan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1
MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
**MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34**

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SAZ MAIM menyantuni dan bertanya khabar penyakit yang dihadapi oleh Azizan Baba di kediaman beliau baru-baru ini. Pegawai Agihan Zakat (PAZ) daerah Melaka Tengah, Nazri Rahim turut menyampaikan sumbangan kit makanan dan wang tunai bagi meringankan beban keluarga berkenaan.



SAZ MAIM menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan kepada mangsa kebakaran, Azwan Ali di DUN Gadek. Dalam kejadian tempoh hari, rumah dan kenderaan mangsa hangus dijilat api dan mangsa berjaya menyelamatkan diri bersama keluarga tanpa sebarang kecederaan.



KEMUDAHAN...
sebahagian asnaf Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) hadir pada Program Penyerahan Kad ATM Bank Islam yang telah diadakan baru-baru ini. Program anjuran MAIM ini bagi membantu asnaf memiliki akaun bank bagi memudahkan bantuan bulanan tunai dikreditkan ke dalam akaun berkenaan.



SKUAD Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM Cawangan Masjid Tanah diketuai Pegawai Agihan Zakat (PAZ) Daerah, Mazfazil bin Ismail menyantuni asnaf, Abdul Aziz Md Isa di Taman Rembia Jaya.



Skim

BANTUAN MAIM



01 Bantuan Makanan Bulanan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	02 Bantuan Saran Anak Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	03 Bantuan Saran Anak IPT Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
04 Bantuan Sakit Kronik Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	05 Bantuan Sakit Terlantar Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	06 Bantuan Skim Simpanan Fakir Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
07 Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	08 Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	09 Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
10 Bantuan Pakaian Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	11 Pekerja Sukarelawan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	12 Bantuan Alat Bantu Pulih Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
13 Bantuan Khairat Kematian Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	14 Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	15 Bantuan Am Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
16 Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	17 Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	18 Bantuan Aidiladha Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
19 Bantuan Skim Simpanan Muallaf Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	*terbuka mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	

Sedetik Majlis Apresiasi Majlis Agama Islam Melaka 2021



SEBAHAGIAN penerima anugerah bergambar bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.



PENDAFTARAN melalui aplikasi MySejahtera sentiasa dititiberatkan.



SERAHAN wakalah zakat oleh wakil Telekom Malaysia (TM) disempurnakan oleh Sulaiman.



TURUT menerima anugerah usahawan asnaf MAIM, Sashrawan Jalil.



AHLI Lembaga Pengarah MAIM, Datuk Yusof Othman hadir pada majlis itu.



KETUA Menteri menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada anak asnaf, adik Ahmad Haris Ahmad Khairuldin.



Tahniah
Setinggi-tinggi

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun

P K N M
50
tahun
1971 - 2021

PKNM Progresif



Setulus ikhlas daripada



www.myeg.com.my



SMART A+


**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : MATEMATIK**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :
011-15116270 / 019-2886270".

CONTOH FORMAT SOALAN SPM 2021

**Bahagian A
Section A**


- 1 Rajah 1 menunjukkan satu gabungan pepejal yang terbentuk daripada cantuman satu kubus dengan satu prisma tegak.
Diagram 1 shows a composite solid, formed by a combination of a cube and a right prism.



Rajah 1
Diagram 1

Hitung isi padu, dalam m^3 , gabungan pepejal itu.
Calculate the volume, in m^3 , of the composite solid.

- 2 Rajah 2 menunjukkan dua garis selari, PQ dan TR dilukis pada suatu satah Cartesian.
Diagram 2 shows two parallel lines, PQ and TR drawn on a Cartesian plane.



Rajah 2
Diagram 2

Diberi bahawa persamaan garis lurus PQ ialah $y = -2x + 7$.
It is given that the equation of the straight line PQ is $y = -2x + 7$.

- (a) Cari persamaan garis lurus TR .
Find the equation of the straight line TR .
- (b) Nyatakan pintasan- x bagi garis lurus TR . State the x -intercept of the straight line TR .
- 3 (a) Nyatakan akas bagi implikasi di bawah. Seterusnya nyatakan sama ada akas tersebut adalah benar ataupun palsu.
State the converse for the following implication. Hence, state whether the converse is true or false.

Jika $m < 8$, maka $m < 12$
If $m < 8$, then $m < 12$

(b) Tulis Premis 2 untuk melengkapkan hujah berikut:
Write down Premise 2 to complete the following argument:

Premis 1 : Jika $y = mx + c$, maka m ialah kecerunan bagi garis lurus itu.
Premise 1: If $y = mx + c$, then m is the gradient of the straightline.

Premis 2 : _____.
Premise 2: _____.

Kesimpulan : $y \geq mx + c$ Conclusion : $y \leq mx + c$

- 4 Jadual 1 menunjukkan pergerakan suatu objek yang bergerak di antara P dan Q di mana jarak PQ ialah 35 m.
Table 1 shows the movement of an object that moves between P and Q such that the distance of PQ is 35 m.

Masa (minit) Time (minute)	0	1	2	3	4	5	6
Jarak dari P (m) Distance from P (m)	0	10	20	20	20	35	25

Jadual 1
Table 1

- a) Pada ruang jawapan, lukis graf jarak-masa berdasarkan Jadual 1.
On the answer space, draw the distance-time graph based on Table 1.
- b) Hitung laju, dalam ms^{-1} , objek itu dalam tempoh 2 minit pertama.
Calculate the speed, in ms^{-1} , of the object in the first 2 minutes.

**Bahagian B
Section B**

- 5 (a) Tentukan sama ada titik-titik berikut memuaskan ketaksamaan yang betul:
Determine whether the following points satisfy the correct inequalities:

(i) $(4, 2)$ memuaskan $y < x - 4$ atau $y > x - 4$

$(4, 2)$ satisfies $y < x - 4$ or $y > x - 4$

(ii) $(3, 5)$ memuaskan $y < -2x + 8$ atau $y > -2x + 8$

$(3, 5)$ satisfies $y < -2x + 8$ or $y > -2x + 8$

(iii) $(2, 3)$ memuaskan $y < \frac{1}{2}x + 3$ atau $y > \frac{1}{2}x + 3$

$(2, 3)$ satisfies $y < \frac{1}{2}x + 3$ or $y > \frac{1}{2}x + 3$

(b) Berdasarkan jawapan di 11(a), lukis dan lorek rantau yang memuaskan kesemua ketaksamaan itu pada ruang jawapan di bawah.
Based on the answer in 11(a), draw and shade the region that satisfies all the inequalities in the answer space below.

- 6 Jadual 4 menunjukkan pencapaian dua orang murid dalam 5 ujian Matematik. Guru Matematik mereka ingin memilih salah seorang daripada mereka untuk mewakili kelas dalam satu Kuiz Matematik peringkat sekolah.
Table 4 shows the achievements of two students in 5 Mathematics tests. Their Mathematics teacher wants to choose one of them to represent their class in a School Mathematics Quiz.

	Ujian 1 Test 1	Ujian 2 Test 2	Ujian 3 Test 3	Ujian 4 Test 4	Ujian 5 Test 5
Sofia	50	64	70	74	90
Armin	60	64	72	65	74

Jadual 4
Table 4


(a) Berdasarkan pencapaian Sofia, hitung
Based on Sofia's achievement, calculate

(i) minmarkah,
the mean mark,

(ii) varians.
the variance.

(b) Siapakah yang layak mewakili kelas dalam kuiz tersebut? Justifikasikan pilihan anda berdasarkan sukaan serakan yang sesuai digunakan oleh guru mereka untuk membuat pemilihan itu.
Who deserve to represent their class in the quiz? Justify your choice based on the appropriate measure of dispersion used by their teacher to make the selection.

- 7 Rajah 3 menunjukkan tiga segi tiga bersudut tegak PQR , PRU dan STU dilukis pada suatu satah Cartesian.
Diagram 3 shows three right angled triangles PQR , PRU and STU drawn on a Cartesian plane.



Rajah 3
Diagram 3

- (a) Segitiga STU ialah imej bagi segitiga PQR di bawah gabungan penjelmaan MN . Huraikan selengkapnya penjelmaan:
Triangle STU is the image of triangle PQR under a combined transformation MN . Describe in full, the transformation:

(i) N
(ii) M

- (b) Diberi segitiga PQR mewakili suatu kawasan yang mempunyai luas $28m^2$. Hitung luas dalam, m^2 , kawasan yang berlorek.
It is given that PQR represents a region with an area of $28m^2$. Calculate the area, in m^2 , of the shaded region.



Setinggi-tinggi

Tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun



PKNM Progresif

Setulus Ikhlas Daripada



URUSB PERTIWI SDN BHD (555689-M)
Building & Infrastructure Contractor

NO.17-B Jalan PJS 1/48 (Jalan Petaling Utama 7),
Petaling Utama Batu 7, Jalan Klang Lama
46150 Petaling Jaya.
Hp No : 017-5413101
E-mail : urusbpertawi@gmail.com

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

POKOK kapur (*Dryobalanops aromatica*) yang tidak bersentuhan antara satu sama lain, antara salah satu spesies yang unik terdapat di Malaysia.
FOTO KREDIT MYROKAN.COM

Lindungi hutan, imbangi ekosistem alam

"**BUMI** yang tiada rimba, seumpama hamba, Dia dicemar manusia, yang jahil ketawa...."

Lirik lagu 'Hijau' nyanyian Zainal Abidin Mohamad ini terngiang-ningiang di fikiran penulis tatkala kaki melangkah ke Denai Salleh, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) sambil menikmati keindahan kehijauan sekeliling.

Denai Salleh ini mengambil nama Ketua Pengarah FRIM yang pertama, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor yang menyandang jawatan tersebut dari 1985 hingga 1995. Terdapat spesies pokok yang ditanam seawal tahun 1925 di Denai ini seperti pokok kapur, keladan, gaharu, merbau dan rotan.

Kunjungan ke FRIM pada pagi Rabu itu membuatkan penulis terkesima dengan persekitaran kawasan hutan yang terpelihara rapi setelah sekian lama ditutup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020.

"Sebelum PKP, daun kering akan terkumpul di tepi lorong dan dahan kecil pokok memang tidak akan kelihatan sepanjang lorong pejalan kaki," kata jurupandu FRIM, Edi Hermi Muhammad Ramli, ketika penulis asyik meneiti laluan jejak Denai Salleh yang dipenuhi hampanan daun kering.

Ketua Pengarah FRIM, Dr Khali Aziz Hamzah yang turut serta dalam sesi trekking itu bersama kami turut bersetuju dengan kenyataan tersebut, sambil memperkenalkan kepada penulis spesies pokok hutan hujan yang ada di sekitar Denai Salleh itu.

"Hikmah PKP, hutan simpan dan penyelidikan jarang dikunjungi orang ramai menyebabkan ia dapat 'berehat' seketika, sekali gus menarik kunjungan hidupan liar dan pelbagai jenis burung yang mampu mengekalkan ekosistem," katanya kepada Bernama.

Menariknya, sepanjang kira-kira 20 minit perjalanan, kami disajikan dengan fenomena crown shyness yang terhasil daripada silara (rimbunan daun pada atas pokok) pokok kapur (*Dryobalanops aromatica*) yang tidak bersentuhan antara satu sama lain, seakan-akan mengamalkan penjarakan sosial.

Menurut Edi Hermi, pemandangan seperti teka-teki jigsaw di langit ini merupakan salah satu tarikan yang paling terkenal dalam FRIM dan menarik perhatian Saluran Televisyen Amerika, *National Geographic* (*NatGeo*) untuk mengabdikannya di dalam portal berkenaan.

"Pokok kapur mempunyai batang berbentuk silinder yang lurus dan boleh mencapai ketinggian sehingga 60 meter yang disokong dari bawah oleh banir yang kadangkala mencapai beberapa meter tinggi," jelasnya.

PERMIT RENTAS HUTAN, BUKIT

Biarpun ketika itu jarum jam sudah menunjukkan pukul 12 tengah hari, kami tidak berasa bahagia terik matahari kerana terdapat ratusan pohon besar memayungi sebahagian

hutan.

Bagi yang tidak biasa merentas atau mendaki hutan, denai hutan ini sudah memadai sebagai aktiviti permulaan kerana laluannya begitu teratur, dibina tangga dan lengkap dengan penunjuk arah.

Terletak di kawasan seluas 545 hektar bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Lagong di Kepong, sebelum PKP dikuatkuasakan, orang ramai sering menjadikan FRIM sebagai kawasan rekreasi terutamanya pada hujung minggu.

Menurut Khali, sebarang pendakian bukit ataupun merentas hutan, tidak kira ke FRIM mahupun mana-mana hutan-hutan simpan atau rekreasi haruslah mendapatkan permit kebenaran masuk daripada pihak berkaitan.

Malah kakitangan FRIM sendiri, kata beliau, perlu memohon permit masuk untuk menjalankan penyelidikan dalam hutan simpan atau rekreasi dari Jabatan Perhutanan Negeri.

"Semua jenis lawatan ke FRIM juga sebenarnya memerlukan kebenaran sama ada dalam bertulis ataupun tiket, meskipun hanya untuk rekreasi ataupun berjoging."

"Prosedur ini penting bukan sahaja untuk melindungi persekitaran alam semulajadi, tetapi bagi mengelakkan berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini," katanya sambil memberi contoh kejadian seorang pengunjung tersesat ketika melakukan aktiviti jungle trekking di denai alam FRIM, dua tahun lepas.

Beliau menambah, sebarang kegiatan jungle trekking perlu ada jurupandu alam (*nature guide*) bertauliah bagi memastikan keselamatan dan mengelakkan daripada vandalisme berlaku di dalam hutan.

"Berikutkan COVID-19 dan PKP, jumlah pendaki perlu dihadkan dan syarat wajib untuk menggunakan khidmat jurupandu juga boleh ditetapkan bukan sahaja untuk keselamatan, tetapi juga memberi pendedahan dan pendidikan kepada pendaki mengenai kepentingan ekosistem hutan kepada manusia," katanya.

Khali berkata, pemasangan CCTV adalah antara langkah bagi memastikan keselamatan pengunjung di hutan pendidikan dan rekreasi, selain mengelakkan vandalisme harta benda awam.

"Walau bagaimanapun, pendidikan alam sekitar sangat penting bagi memberi kesedaran kepada pengunjung tentang penjagaan hutan, terutamanya terhadap pengambilan hasil hutan kerana ia akan merosakkan ekosistem."

"Kesalahan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran itu adalah tertakluk kepada Subseksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

HUTAN SIMPAN, PENANAMAN POKOK PENYEJUK SUHU DI BANDAR

Pembangunan bandar dan penempatan secara tidak langsung mengurangkan kawasan

hijau dan hutan sebagai penyimpan khazanah alam semulajadi.

Khali yang menegaskan perkara ini berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan terus berusaha mewartakan kawasan hijau dan hutan rimba sebagai hutan simpan kekal bagi mengekalkan ekosistem dan menuarkan haba bandar akibat pembangunan pesat.

"Secara keseluruhannya, kira-kira 12.7 juta hektar hutan simpan diwartakan di seluruh negara. Bagi hutan pendidikan pula sebanyak 128 kawasan merangkumi 123 Taman Eko Rimba dan lima hutan taman negeri," katanya.

Beliau menambah, suasana persekitaran

hutan simpan yang dikelilingi pokok hutan hujan tropikal turut berupaya menurunkan haba dan menyerap gas karbon yang dihasilkan oeh kenderaan dan kilang di sekitarnya.

"Pokok dari kawasan hutan simpan dan pendidikan di bandar juga mampu menyerap bau serta gas tercemar, serta menapis partikel terampai yang melekat di daun dan batang pokok."

"Menurut kajian, dalam 0.4 hektar pokok yang matang berfungsi menyerap karbon dioksida yang dikeluarkan oleh 26,000 batu kereta secara puratanya dan sebatang pokok yang matang mampu menyerap 21.8 kilogram karbon dioksida setahun," katanya. - BERNAMA

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA (Melaka State Development Corporation)		
KETERANGAN KERJA	BIDANG DAN TARAF PENDAFTARAN	PEMBAYARAN DOKUMEN
PKNM/T/3-2021 CADANGAN MENAIKtaraf Kompleks AIR PANAS GADEK YANG BERKONSEPAN "WELLNESS & SPA RESORT" SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN YANG MENGANDUNG 20 UNIT BILIK HOTEL BERSEDAIAN FASILITI 1 TINGKAT, 4 UNIT CHALET BERKEMBAR JENIS A, 4 UNIT CHALET BERKEMBAR JENIS B, 1 UNIT SPA KELUARGA, 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT DAN KAUNTER TIKET, 1 UNIT SURAU, 1 UNIT TANDAS DAN BILIK PERSALINAN, 1 UNIT DEWAN TERBUKA (PAVILION), KOLAM AIR PANAS KELUARGA DAN INDIVIDU, 1 UNIT THEME PARK, 1 UNIT VIEWING DECK, 2 UNIT KOLAM AIR PANAS RENDAMAN KAKI, 15 UNIT WAKAF, PONDOK PENGAWAL, PINTU GERBANG DAN BANGUNAN SOKONGAN DI ATAS LOT 37 & 1423 SELUAS 10.268 EKAR, MUKIM GADEK, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA UNTUK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA (PKNM).	Gred : G7 Kategori : B Penghususan : B04 (Kerja-Kerja Am Bangunan) Tarikh & Masa Lawat Tapak : 12 April 2021 (Selasa) 10.00 Paggi (Berkumpul di Pintu Masuk Kolam Air Panas Gadek , Melaka) Tarikh Jual Dokumen : 12 April 2021 hingga 19 April 2021 Tarikh Tutup Tender : 4 Mei 2021 (Selasa)	RM450.00 (Dalam Bentuk Wang Kiriman Pos (Money Order) Yang Tidak Akan Dikembalikan Semula.)
PKNM/T/4-2021 CADANGAN MEMBINA SEBUAH MASJID 1 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2690, MUKIM AYER MOLEK, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH UNTUK MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM).	Gred : G5 Kategori : B Penghususan : B04 (Kerja-Kerja Am Bangunan) Tarikh & Masa Lawat Tapak : 12 April 2021 (Selasa) 2.30 Petang. (Berkumpul di Medan Selera Tambak Paya Melaka) Tarikh Jual Dokumen : 12 April 2021 hingga 19 April 2021 Tarikh Tutup Tender : 4 Mei 2021 (Selasa)	RM360.00 (Dalam Bentuk Wang Kiriman Pos (Money Order) Yang Tidak Akan Dikembalikan Semula.)
LAWATAN TAPAK Kontraktor yang ingin menyertai tawaran ini adalah DIWAJIBKAN HADIR dalam LAWATAN TAPAK ini. Hanya Kontraktor yang HADIR sahaja DIBENARKAN untuk menyertai tawaran ini. Segala perbelanjaan ke tapak bina adalah atas tanggungan kontraktor. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Lawatan Tapak atau Taklimat Tender. Walaubagaimanapun lawatan tapak akan diadakan pada ketentuan seperti di jadual dengan mematuhi 'Standard Of Procedure (SOP)' seperti berikut :- a). Pemakaian pelitup muka (face mask). b). Pemeriksaan suhu badan semasa lawatan tapak. c). Penjarakan sosial sejauh 1 meter d). Penggunaan sanitasi tangan		
1. Dokumen Tender serta lukisan boleh diperolehi dari Kaunter Bayaran Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, dalam waktu Pejabat. Dokumen-Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh tersebut. 2. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor/wakil-wakil yang bertauliah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor/wakil hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut :- i). Surat Perwakilan yang ASAL sekiranya kontraktor menghantar wakil. ii). Sijil-sijil asal dan salinan untuk rekod. 3. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Lobi Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, pada atau sebelum pukul 12.00 Tengahari.		

Lokasi strategik, ‘lubuk’ rezeki usahawan



“Adanya hab keusahawanan baru yang lebih moden dan ditempatkan di lokasi strategik ini, insya-Allah ia dapat melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera berjaya.”

Rahayu Mohd Yunos, 42,



MENTERI Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (dua dari kiri) menyampaikan bantuan usahawan kepada Rahayu (tiga dari kanan) pada majlis perasmian pecah tanah Hab Keusahawan Morten Walk di Kampung Morten, baru-baru ini. FOTO MR. AZLI

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDARAYA MELAKA – Pembangunan Hab Keusahawanan Morten Walk di Kampung Morten, di sini, disifatkan sebagai lubuk rezeki buat usahawan di negeri ini.

Seorang usahawan, Rahayu Mohd Yunos, 42, menyifatkan kedudukan lokasi yang

strategik di tengah bandar dan tepian sungai nyata memberi nilai tambah kepada pusat perniagaan baru berkonsepkan moden itu.

Katanya, ia juga secara tidak langsung dapat membantu usahawan baru hendak bertapak dalam bidang perniagaan.

“Kadang-kadang mereka

tak tahu, mereka ada ilmu dan perancangan tapi tak ada modal.

“Jadi adanya hab keusahawanan baru yang lebih moden dan ditempatkan di lokasi strategik ini, insya-Allah ia dapat melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera berjaya,” katanya kepada MHI.

Nada sama turut dizahirkannya seorang lagi usahawan, Hamdan Dolmat, 35, yang percaya kehadiran pusat perniagaan baru itu boleh membantu usahawan kecil yang sebelum ini tidak mempunyai tapak untuk mengembangkan perniagaan.

“Hab Keusahawanan

Morten Walk boleh membantu sebab kebanyakan saya tengok peniaga kecil biasanya berniaga menggunakan payung di tepi jalan.

“Jadi dengan adanya hab ini yang lebih sistematik dan menarik mungkin boleh membantu mereka mengembangkan perniagaan diusahakan,” katanya.

Lateks tingkat pendapatan penoreh dan pekebun kecil getah

Din Ahmad

ALOR GAJAH – Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA) mahu lebih ramai penoreh dan pekebun kecil getah menghasilkan susu getah cair atau lateks kerana ia mampu melonjakkan pendapatan mereka.

Pengerusinya, Datuk Mohd Salim Mohd Sharif menegaskan, sekilogram lateks bernilai lebih RM5 berbanding getah beku atau sekerap yang hanya RM2.80 berdasarkan harga semasa.

Katanya, pendapatan isi rumah penoreh dan pekebun kecil bakal meningkat kepada RM4,500 sebulan jika mereka menghasilkan lateks di kebun seluas dua hektar.

“Getah beku sekarang hanya berharga RM2.80 sekilogram berbanding lateks yang bernilai lebih RM5 tetapi tidak ramai yang mahu menghasilkan lateks kerana ia memerlukan banyak kerja berbanding getah beku,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan

zakat korporat RISDA kepada penuntut Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), di Ayer Pa'abas, di sini baru-baru ini.

Sumbangan itu adalah hasil daripada keuntungan diperoleh la-dang RISDA di seluruh negara yang diuruskan RISDA Estates Sdn Bhd.

Yayasan RISDA dan RISDA Ventures Sdn Bhd (RVSB) memperuntukkan RM100,000 bagi memberikan sumbangan itu kepada lebih 300 penuntut terbabit.

Pada majlis itu, seramai 104 penuntut menerima sumbangan RM250 seorang daripada Yayasan RISDA, selain tiga penuntut menerima Skim Subsidi Makanan bernilai RM450 seorang.

RVSB menyampaikan sumbangan RM500 secara sekali terima kepada 45 penuntut fakir dan miskin, selain 175 penuntut kategori fizikal menikmati bantuan RM200.

Yang turut hadir, Pengurusi RVSB, Datuk Shaharuddin Muhammad Sidek; Ketua Pengarah RISDA, Abdullah Zainal dan Ketua Eksekutif

UCAM, Faizatul Akmar Hisan.

Mengulas lanjut Mohd Salim berkata, RISDA sedia menambah depoh pembelian susu getah cair atau lateks asalkan lebih ramai penoreh dan pekebun kecil menghasilkan produk itu.

Setakat ini RISDA mempunyai lapan depoh berkenaan di seluruh negara dan bersedia meningkatkan jumlahnya jika penoreh dan pekebun kecil sanggup beralih daripada getah beku kepada lateks.

Terdapat 532,000 penoreh dan pekebun kecil di seluruh negara tetapi tidak ramai yang menghasilkan lateks kerana ia memerlukan tempoh kerja yang lebih lama berbanding getah beku.

“Lateks adalah bahan penting dalam pembuatan sarung tangan dan Malaysia adalah pengeluar produk berkenaan yang terbesar dunia,” katanya.

Tambahnya, kawasan pengeluaran lateks setakat ini adalah di Gerik, Perak dan beberapa kawasan tertentu di Kedah, Negeri Sembilan, Perak dan Kelantan.



SETAKAT ini RISDA mempunyai lapan depoh berkenaan di seluruh negara dan bersedia meningkatkan jumlahnya jika penoreh dan pekebun kecil sanggup beralih daripada getah beku kepada lateks.



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

WHAT follows is the story of Kedah, as much as the story of India. Visiting the Indian forts in Agra and Jaipur many years ago makes one wonder of what had gone missing. The splendor of the 15th/16th century Indian forts dwarf European castles. Indian architecture, design and function of space, and its artefacts – daily objects and what we would see as exotic displays, were once symbols of power and civilization.

The structures are now hollowed. The tour guides there would say that the English took it back – they looted. One of the very first Indian words to enter the English language was the Hindustani slang for plunder: “loot”. The *Oxford English Dictionary*, wrote the word was rarely heard outside the plains of north India until the late 18th century. It suddenly became a common term across Britain.

Writer and historian William Dalrymple argued that the EIC conquered, subjugated and plundered vast tracts of south Asia (and of course of the Malay Peninsula, and Borneo, and what would have been Sumatra and Java, if not for the Dutch) – “The lessons of its brutal reign have never been more relevant.” Dalrymple described what he saw of a scene from a painting in August of 1765, six years before the theft of the Kedah island. The painting shows a scene when the young Mughal emperor Shah Alam, exiled from Delhi and defeated by EIC troops, was forced into what we would now call an act of involuntary privatization, by the “the high and mighty, the noblest of exalted nobles, the chief of illustrious warriors, our faithful servants and sincere well-wishers, worthy of our royal favours, the English Company”. Mughal taxes was subcontracted to the pirates in disguise.


Dalrymple in “The East India Company: The Original Corporate Raiders,” published in *The Guardian* (2015), told us that 250 company clerks backed by the military force of 20,000 locally recruited Indian soldiers had become the effective rulers of Bengal – the aggression of colonial power.

There goes Bengal in 1756, 20 years later it was Pulau Pinang; and 47 years later, extending to the Mughal capital of Delhi, and almost all of India south of that city was by then effectively ruled from a boardroom in the City of London. “What honour is left to us?” asked a Mughal official named Narayan Singh, shortly after 1765, “when we have to take orders from a handful of traders who have not yet learned to wash their bottoms?” In 1874, the gates were opened for the rest of the Malay peninsula.

We were reminded that it was not the British government that seized India, or the island off the coast of Kedah at the end of the 18th century. It was a dangerously unregulated private company headquartered in one small office, five windows wide, in London. It was managed in India by an unstable sociopath – Robert Clive.

We may remember the Battle of Plassey in 1757 to pass our history exams. According to Dalrymple, it was victory that owed more to treachery, forged contracts, and bribes. Clive transferred to the EIC treasury no less than £2.5m seized from the defeated rulers of Bengal. In 1771, the Kedah island was earmarked. It was to be an illegal occupation. There was no

The Company: Looting the Jewel in the Kedah Crown



WE were reminded that it was not the British government that seized India, or the island off the coast of Kedah at the end of the 18th century. It was a dangerously unregulated private company headquartered in one small office, five windows wide, in London.

“In England, the EIC has bought off parliamentary opposition by donating £400,000 to the Crown in return for its continued right to govern Bengal. Warren Hastings, of which Light made many dealings for Pulau Pinang was brought to court and went on trial for looting and corruption in 1788.”

treaty. Nevertheless illegal, even with a treaty.

Dalrymple’s description on the opening of British rule in India resonated the EIC in the Malay Archipelago. At the height of the Victorian period – although Light and the EIC adventures took place during the Georgian era – there was a strong sense of embarrassment about the shady mercantile way the British had founded the Raj. The Victorians liked to think of the empire as a *mission civilisatrice*: a benign national transfer of knowledge, railways and the arts of civilisation from west to east. There was a calculated and deliberate amnesia about the corporate looting that opened British rule in India.

In its charter in 1600, the year the company was founded, no mention was made of the EIC holding overseas territory, but it did give the company the right “to wage war where neces-

sary.” The Company was to become “an empire within an empire,” as Dalrymple noted. The state later bailed out the pirates, history’s first mega-bailout supported by the British parliament. Parliament backed the company, gave it state power, ships, soldiers and guns..

In England, the EIC has bought off parliamentary opposition by donating £400,000 to the Crown in return for its continued right to govern Bengal. Warren Hastings, of which Light made many dealings for Pulau Pinang was brought to court and went on trial for looting and corruption in 1788.

The EIC recruited retired politicians, remarked Dalrymple. The man whose name has given fame to Fort Cornwallis – the former Tanjong Penaga that Light had landed on 20 August 1786, was one such example of the recruitment. Lord Cornwallis, who oversaw the loss of the

American colonies to Washington, was recruited by the EIC to oversee its Indian territories. It was ‘corporate greed’, as Dalrymple described of the EIC. The British state has to tame ‘history’s most voracious corporation.’

The company’s shareholders have purportedly become that of the State – “a state in the guise of a merchant. Citing what was to be the book titled *Anarchy* in 2019, Dalrymple in retrospect reflected that the rise of the Company seems almost inevitable. But that was not how it looked in 1599, “for at its founding few enterprises could have seemed less sure of success.”

Then, England was relatively impoverished, having spent a century at war with itself over the most divisive subject of the time: religion. England therefore had unilaterally cut themselves off from Europe – a kind of early “Brexit.” To Europe then, England had turned into something of a pariah nation, which stole the Jewel in the Crown.

**NEXT WEEK:
From East to West**

Prof. Dato’ Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISLAMIA). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



Setinggi-tinggi

Tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun



PKNM Progresif

Setulus Ikhlas Daripada

 **Daibochi**
Members of Scientex Group

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

Bermodalkan RM300, kini raih jualan RM200,000 sebulan

Muhd Rizanizam Hamid

SIAPA sangka, hanya dengan bermodalkan RM300 dua tahun lalu, seorang guru di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, kini mampu meraih jualan sehingga RM200,000 sebulan.

Walaupun ianya mungkin dianggap mustahil bagi kebanyakan orang, namun tidak bagi guru sekolah berkenaan, Abdul Mansur Mat Yamin, 29.

Ironinya, kejayaannya itu adalah dalam bidang kecantikan melalui penjualan produk rawatan dan penjagaan kulit dikenali, Ekstra Skin White (ESW) yang lazimnya didominasi kaum wanita.

Berkongsi pengalamannya memulakan perniagaan itu, bapa seorang anak ini berkata, ia bermula sekitar Mei 2019 apabila dia terlihat iklan di laman sosial Facebook mengenai ESW.

"Waktu itu, saya langsung tiada pengalaman atau pengetahuan mengenai produk tersebut tetapi amat berminat setelah melihat testimoni pelanggan yang memuji keberkesanannya."

"Tanpa berfikir panjang, saya menghantar pesanan melalui FB berkenaan menyuarakan hasrat untuk menjadi pengedar sah di Melaka yang ketika itu belum ada wakil jualan."

"Saya fikir inilah peluang terbaik dan terus meminta diaturkan pertemuan dengan pengasas ESW, Muhammad Iddinsyah Mohd Fuzi di Kuala Lumpur untuk mendapat perenungan lanjut," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini, baru-baru ini.

Menurut Abdul Mansur, dengan hanya



ABDUL Mansur (tengah) bersama antara ejennya bergambar memperkenalkan produk ESW.

ESW



ESW

IG : eswhq_official
Website : www.eswhq.com

IS BEAUTY COLLAGEN VENTURE

ANTARA testimoni bergambar yang memaparkan keberkesanannya produk ESW.

bermodalkan RM300 dia kemudian mendatar dalam pakej terendah iaitu Pakej Junior yang diberikan lima kotak ESW.

"Tidak lama selepas itu, saya tingkatkan modal ke pakej seterusnya sehingga mampu meraih pendapatan bersih sehingga RM6,000 dalam tempoh tiga bulan pertama."

"Alhamdulillah selepas hampir dua tahun menjalankan perniagaan ini, jualan bulanan pasukan saya, Fighter Legacy Team yang mempunyai lebih 300 ejen di seluruh negara adalah antara RM150,000 hingga RM200,000 sebulan."

"Apa yang sangat mengembirakan saya adalah apabila dapat melihat kesenangan ejen-ejen hasil penat lelah mereka selama ini."

"Saya selalu pesan kepada mereka dan diri saya sendiri, dalam keadaan ekonomi yang sangat mencabar ketika kemelut pandemik COVID-19, semua orang terkesan dan mengeluh tanpa tindakan tidak akan membawa kita ke mana-mana."

"Sebab itu kita perlu melihat ujian ini dari sudut positif untuk mengubah nasib hidup sehingga kita boleh dapati apa sahaja yang diidamkan," katanya.

Menurut Abdul Mansur, dia turut bernasib baik kerana isteri, Syaza Amira Amir, 28, sangat banyak menyokongnya dalam perniagaan kecantikan itu sehingga membawa kejayaan yang dikecapinya hari ini.

Justeru katanya, bagi memberikan motivasi pada diri dan membakar semangat Fighter Legacy Team, dia menghadiahkan diri dan keluarganya sendiri sebuah kereta jenis

Honda City yang dibeli 100 peratus menggunakan keuntungan jualan ESW.

"Saya mahujadikan kereta ini 'saksi' dan bukti penat lelah kami selama dua tahun ini yang bermula dari bawah membuat pengantaran (COD) sendiri kepada pelanggan sehingga mempunyai seramai lebih 300 ejen jualan."

"Bukan mudah sebenarnya untuk sampai ke tahap ini, namun ianya juga tidak mustahil lagi kita yakin dengan produk yang dijual apatah lagi seperti ESW yang sudah diyakini," katanya.

Jelas Mansur, produk ESW adalah serbuk kecantikan yang digabungkan dengan delima, ekstrak sakura, ekstrak yos torula dan vitamin E.

"Kesan pengambilannya mampu mengecutkan jerawat, memutihkan, mencerah dan meng gebukan kulit seluruh badan, mengurangkan resdung, menghilangkan kesan kusam, menjadikan kulit lebih berseri secara semulajadi, memudarkan parut jerawat dan luka."

"Pengambilannya hanya dua kali sehari dan kesannya boleh dilihat dalam masa tujuh hari," katanya sambil menambah orang ramai yang ingin menyertai Team Fighter Legacy boleh menghubunginya di talian 017-603 4795.

"Mereka juga boleh mengirimkan mesej di laman Facebook saya iaitu ESW Stokis Melaka dan laman Instagram, official_mansur," katanya.



Setinggi-tinggi

tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun

PKNM
50
tahun
1971 - 2021

PKNM Progresif

Setulus ikhlas daripada

n^x think life

Nexgram Biomedic Sdn Bhd

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

Apakah itu penyakit Crohns ?



DR. Shankar Gunarasa




PENYAKIT Crohns atau Crohns disease (CD) atau keradangan usus berlaku pada lapisan nipis mukosa sistem penceraan kita. Ia adalah sebahagian daripada spektrum Inflammatory Bowel Disease (IBD) di mana sebahagian lagi adalah Ulcerative Colitis (UC). Kebiasannya keradangan yang berlaku pada usus kita terdiri daripada dua penyebab iaitu infeksi dan inflamasi. Dan inflamasi-lah yang menyebabkan IBD dan cara rawatanya cukup berbeza jika ianya di sebabkan oleh infeksi.

Minggu ini saya akan memberi sedikit pemelasan tentang penyakit Crohns. Penyakit Crohns ini terjadi pada seluruh lapisan dinding sistem penceraan, mulai dari mulut hingga ke anus. Tapi kondisi ini lebih sering terjadi pada bahagian akhir usus kecil (ileum) atau usus besar.

Kepada yang menghidap masalah Crohns, ianya suatu proses yang sukar di rawat. Penyakit ini adalah penyakit yang berpanjangan dan sering timbul dan hilang. Ianya berlaku pada usia muda atau semasa dewasa, kebiasannya sebelum umur 30 tahun. Antara simptomnya ialah

- Sakit di abdomen
- Cirit berdarah lebih dari 4-6 kali
- Anaemia (kurang darah)



- Demam
- Penurunan berat badan

Penyakit Crohns ini akan berlaku secara berperingkat dan adalah masalah yang kronik yang berlaku secara berperingkat. Ianya akan menjalani proses "acute stage" dan setelah di ubati boleh berlaku "flare up" sebelum proses remisi dapat dilakukan. Apakah penyebab penyakit Crohns ini? Penyebab penyakit Crohn hingga kini belum diketahui. Akan tetapi, kombinasi faktor genetik, stress dan pemakanan banyak memberi pengaruh kepada masalah ini.

Ketiga faktor tersebut boleh mempengaruhi penyakit Crohns pada golongan yang

- Memiliki riwayat penyakit Crohn di dalam keluarga.
- Berusia kurang dari 30 tahun.
- Tabiat merokok
- Individu yang mempunyai sistem imunisasi yang lemah

Bagaimanakah dengan diagnosis-nya? Bagi pemeriksaan awal, doktor akan menanyakan tentang gejala yang dialami. Selain itu, doktor akan memeriksa apakah terdapat penyebab tertentu terhadap gejala tersebut seperti makanan, riwayat penggunaan ubatan, sejarah kesihatan keluarga, serta perjalanan yang baru dilakukan. Pemeriksaan darah dilakukan untuk mengetahui tahap keradangan yang terjadi di dalam tubuh. Selain itu, dengan pemeriksaan darah, doktor akan mengetahui jika terjadi infeksi. Jika dari hasil pemeriksaan darah didapatkan tanda anemia, ianya tanda kurang nutrisi atau pendarahan di dalam sistem penghadaman.

Pemeriksaan najis akan dilakukan seperti ujian calprotectin untuk mencari tanda penyakit IBD, infeksi bakteria atau parasit. Pemeriksaan kolonoskopi dilakukan untuk melihat perubahan sel-sel dinding saluran cerna secara mikroskopis, yang merupakan ciri khas penyakit Crohn. CT scan dilakukan untuk melihat sejauh mana keradangan atau di mana keradangan usus telah berlaku. Diagnosis secara ini lebih sesuai pada permulaannya di mana pesakit kurang stabil untuk menjalani ujian invasif seperti kolonoskopi.

Setelah diagnosis telah dibuat, bergantung pada tahap jangkitan iaitu dalam fasa acute, flare-up atau remisi unutan yang berpatutan akan di berikan oleh doktor. Antaranya ialah Kortikosteroid. Pemberian kortikosteroid sesuai untuk mengatasi inflamasi yang terjadi pada acute phase. Untuk menghindari kesan sampingan ubat ini, disarankan untuk mengurangi dos secara perlahan sebelum akhirnya di berhentikan ketika penyakit ini mula menjadi baik. Ubat anti-inflamasi lain yang digunakan ialah sul-

fasalazine. Salah satu ubatan lain yang digunakan bersama dengan ubat anti-inflamasi ialah imunosupresen. Ia bertindak dengan cara menekan sistem imunisasi kita sehingga reaksi keradangan pada saluran penceraan dapat diredukan. Berikut adalah beberapa jenis dan kombinasi ubat imunosupresen untuk penderita penyakit Crohn:

- Methotrexate.
- Azathioprine
- Cyclosporine.
- Tacrolimus.

Dengan pemodenan pengubatan, kini ubatan biologics di berikan kepada pesakit Crohns yang sedang menjalani remisi. Cara tindakannya ialah menghambat faktor TNF dalam sistem kekebalan tubuh dengan ubatan seperti infliximab, adalimumab, atau ustekinumab. Ubatan secara ini amat mahal tetapi keberkesannya memang menyerlah.


Antara komplikasi yang boleh berlaku dengan penyakit Crohns adalah

- Fistula in ano di bubur (beberapa fistula)
- Luka di saluran usus
- Penyumbatan saluran usus
- Malnutrisi dan anaemia
- Kanser usus sekiranya penyakit di simpan berlamaan Penyakit Crohn dapat dicegah sekira penyebabnya dapat diketahui. Pencegahan terbaik yang dapat dilakukan adalah menghindari faktor-faktor yang dapat meningkatkan risiko terjadinya penyakit ini.

Pencegahan dilakukan dengan penerapan gaya hidup sihat, seperti:

- Mengurangi makanan tinggi lemak dan banyakkan makanan berserat
 - Menghindari dari merokok
 - Mengelola stress dengan baik
- Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah IBD atau penyakit Crohns usus, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**

Gambar Crohns Usus yang di bedah oleh Dr Shankar



Misterikah Perigi Hang Tuah?



SEBUT sahaja nama Perigi Hang Tuah, sudah pasti ramai yang akan mengaitkan dengan kisah rakyat yang pelbagai, tidak kurang juga dengan perkara mistik, memandangkan nama Hang Tuah itu sendiri memberi impak besar kepada nilai sejarah negara amnya.

Berlokasi di Kampung Duyong atau dikenali sebagai Perkampungan Hang Tuah, perigi tersebut dikatakan telah wujud sejak sekian lama, malah ada juga mendakawa perigi itu terbentuk berikutan hentakan kaki Hang Tuah yang ingin bersolat di kampung itu.

Dengan beberapa hentakan kakinya, terkeluar banyak mata air yang jernih dan bersih di kawasan itu.

AIR SENTIASA JERNIH

Sehingga kini, air dari telaga berkenaan kekal jernih dan bersih dan sentiasa mengalirkan air dan tidak kering sepanjang masa, walaupun ketika Melaka dilanda krisis air pada

Ada juga berpendapat, jika terlihat buaya albino itu bererti seseorang itu akan menerima nasib yang baik

1991. Mungkin terdapat bekalan air bawah tanah yang menjadi sumber dan sebab mengapa airnya sentiasa segar dan tidak tercemar. Walaupun bercampur dengan air hujan, air di dalamnya tetap jernih dan dikatakan ia mampu menyembuhkan penyakit dan sesiapa yang meminumnya mampu kekal awet muda, tetapi ia tidak dapat dipastikan secara saintifik.

Perigi terbabit diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan kedalamannya dikatakan sehingga 1.8 meter.

BUKTI KEPAKARAN TEKNOLOGI ALAM MELAYU

Wujud sejak sekian lama, perigi berkenaan sebenarnya memainkan peranan besar dengan sejarah Melaka dan menjadi bukti ke-

pada teknologi ketamadunan yang dimiliki orang Melayu ketika dulu.

Jika dilihat, struktur binaannya yang bertingkat atau bertapak itu seakan ditebus dari bongkahan batu laterit atau batu merah dan terdapat kesan pahat yang kemas pada dinding membuktikan kepakaran ketamadunan yang sangat tinggi.

Ditemui secara tidak sengaja oleh penduduk kampung ketika bergotong-royong, ia kini kekal menjadi produk pelancongan sejarah yang wajar disaksikan.

PENAMPAKAN BUAYA PUTIH

Yang ini agak sukar diungkapkan kerana ada sebahagiannya orang ramai mendakwa ia merupakan roh legenda Laksamana Melayu itu dan ada sebahagiannya menganggap ia merupakan 'keramat' ditinggalkan Hang Tuah.

Namun dikatakan juga, bukan sebarangan orang yang mampu melihatnya, hanya yang terpilih dan alim sahaja mampu menyaksikannya.

Ada juga berpendapat, jika terlihat buaya albino itu bererti seseorang itu akan menerima nasib yang baik, namun itu semua tidak dapat dipastikan.

KISAH 'LAGENDA' TARIK MINAT PELANCONG

Ada juga yang menceritakan bahawa Hang Tuah mula menggali perigi itu selepas dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Melaka.

Mengikut cerita orang kampung, Hang Tuah disembunyikan di atas bukit berhampiran lokasi telaga ini. Ketika itu, perigi ini digali oleh Hang Tuah untuk kegunaan sehariannya.

Hari ini, air dari telaga berkenaan yang jernih dan bersih dianggap suci hingga mampu menyembuhkan pelbagai penyakit serta digunakan untuk membayar niat.

Walau apapun versi cerita yang disampaikan mengenai keistimewaan Perigi Hang Tuah, destinasi berkenaan terus menjadi perhatian pengunjung, terutama pelancong asing yang begitu teruja mendalam sejarah dan asal usul Laksamana Melayu terbilang itu.

RESIDENSI *Bukit Katil*

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka



Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

DISKAUN REBAT
10%+10%*

HARGA BERMULA DARIPADA
RM 186,300*

*Tertakluk pada terma & syarat



www.pr1ma.my

Ibu Pejabat PRIMA

03 - 7628 9898

Isnin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)
E-mel: info@prima.my

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang



AG BUMI HARTANAH

RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

Isnin - Jumaat
(9.00 Paggi - 5.00 Petang)

PEMUAJ: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PIJU 1A/7A,
OASIS DAMANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 8888 FAX: 603-7840 0268 • Nombor
Lesen Permai: 14169-4501-2021014331 • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan
Jualan: 14169-4501-3221014331P • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Pihak Berkuasa Majlis Bandaraya
Melaka Bersegerah • Nombor Pelan Bangunan Diluluskan: IMMB/LKB/001/1/2020/1659 • Pembangunan Penurunan:
Resideni Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum) RM20,000 (maksimum)
RM30,000 • Harga Jenis B (minimum) RM25,000 (maksimum) RM29,000 • Harga Jenis C (minimum) RM25,000 (maksimum)
RM29,000 • Pegangan Tarikh Pegangan Bebas: Tanah Adat Melaka • Sekatan Keperingatan: Tiada •
Bebanan Tarikh: Tiada • Tarikh Dianggah: Sep. Mac 2023



Setinggi-tinggi

Tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun



PKNM Progresif

Setulus Ikhlas Daripada

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA



Jurukur Saharuddin El-Asas



Tahniah
Setinggi-tinggi
kepada
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
sempena
Sambutan Jubli Emas 50 Tahun

PKNM
50 tahun
1971 - 2021

PKNM Progresif

Setulus ikhlas daripada



Kumpulan Zul Holding Sdn Bhd



Setinggi-tinggi *Penghargaan*



kepada

Kerajaan Negeri Melaka & Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd (PMH)
Di Atas Perjanjian Usahasama Projek Pembangunan Rumah Banglo
Di Daerah Melaka Tengah

Ikhlas daripada



PROJEK BAWAH HANDAL GROUP



BBJ Heights Residences (Fasa 1)
@ Bandar Jasin Bestari
- Dijangka CCC 2021



BBJ Heights Residences (Fasa 2)
@ Bandar Jasin Bestari
- Akan Datang



BBJ Uptown Commercial Square
@ Bandar Jasin Bestari
- Siap Pembinaan



RMM Merlimau
- Akan Datang



Taman Bukit Lintang Bestari
- Akan Datang

Alamat Pejabat:

BBJ Uptown, JC4188, Jalan PPB, Seksyen 4/4,
Pusat Perniagaan Bestari Seksyen 4,
77200 Bemban, Melaka. (06-253 3999)

Untuk keterangan lanjut hubungi:

0162078193 (Julian), 0162073933 (Nadia)
0162163939 (Fatin), 0167211322 (Ahmad)



Tahniah
Setinggi-tinggi
kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena
Sambutan Jubli Emas 50 Tahun



PKNM Progresif

Setulus ikhlas daripada



**RUBBER LEISURE
PRODUCTS SDN BHD**





Setinggi-tinggi

tahniah

kepada

Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

sempena

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun

P K N M
50
tahun
1971 - 2021

PKNM Progresif

Setulus ikhlas daripada

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

Salim

MELAWATI
Kebab™
SINCE 1996



JASNI

'Terima kasih MFL'

PERSATUAN Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) menyambut baik dan berterima kasih kepada Liga Bolasepak Malaysia (MFL) yang memberikan kelonggaran kepada petugas media untuk membuat liputan sepanjang sesi latihan pasukan dalam Liga Malaysia.

Presidennya Datuk Jasni Shafie berkata, keputusan MFL membenarkan media membuat liputan sama ada sebelum dan selepas latihan memberi khabar gembira kepada petugas media yang sebelum ini tidak dibenarkan untuk menjalankan tugas ketika sesi latihan pasukan berlangsung.

Katanya, keputusan itu me-

nunjukkan keprihatinan MFL untuk mendengar keluh-kesah pengamal media selain mengutamakan kekangan golongan itu membuat liputan berita.

"Keprihatinan MFL mendarat rintihan pengamal media sebelum ini membuktikan mereka sentiasa memberi keutamaan kepada media yang turut sama membantu merancakkan saingan liga bola sepak di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya turut berterima kasih kepada MFL yang memutuskan petugas media terutama jurugam-

bar dan jurukamera lagi lagi diwajibkan untuk membuat ujian RTK Antigen.

"Perkara itu sekali gus menurunkan beban kewangan ahli media yang sebelum ini terpaksa menanggung kos ujian berkenaan."

"Kami ahli media menghargai langkah terbaru MFL ini, khususnya Ketua Pegawai Eksekutif MFL, Datuk Ab Ghani Hassan dan berharap liga bola sepak tempatan kembali meriah selepas pandemik COVID-19 ini."

"SAM berharap perkembangan ini memberikan impak positif kepada sukan negara," katanya.

Luqman ikut jejak Fabregas

"Pada hari pertama beliau berlatih bersama skuad kebangsaan ia amat berbeza berbanding semasa dia bersama saya dalam skuad B-19. Bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi juga kelakuan dan bahasa badan dia sangat profesional," katanya pada sesi santai bersama media, baru-baru ini.

Luqman Hakim dipanggil menyertai kem latihan pusat skuad kebangsaan sebagai persediaan menjelang aksi kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023.

Empat penyerang lain adalah pemain naturalisasi terbaru skuad Harimau Malaya Guilherme de Paula (Perak FC), Muhammad Syafiq Ahmad (JDT), Muhammad Shahrel Fikri Md Fauzi (Selangor FC) dan Norshahrul Idran Talaha (Sarawak United FC).

Luqman Hakim yang diberi pelepasan

oleh kelabnya pada jendela perlawanan antarabangsa Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) ketika ini merupakan antara lima penyerang yang dikumpulkan Ketua Jurulatih Skuad Kebangsaan Tan Cheng Hoe.

Dalam era bola sepak moden, umur bukan jadi penghalang untuk beliau bersama skuad senior

tidak mustahil Luqman Hakim bakal mengikuti jejak bekas kapten Arsenal dan bintang Barcelona Cesc Fabregas yang membuat penampilan pertama bersama skuad kebangsaan Sepanyol pada usia muda 19 tahun.

"Saya yakin beliau (Luqman Hakim) akan menyinar. Saya berasaskan jika beliau dipilih bersama skuad kebangsaan, ia satu keputusan yang dijangkakan," jelas Kamarul Ariffin berkenaan jika prestasi anak jati Kota Bharu itu terus meningkat,

baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut ingin melihat penjaga gol muda Terengganu FC Muhammad Rahadianzli Rahalim yang kini antara 28 pemain dipanggil Cheng Hoe dan pemain muda Johor Darul Ta'zim (JDT) Arif Aiman Mohd Hanapi diberikan peluang sewajarnya untuk bersama-sama skuad kebangsaan.

"Dalam era bola sepak moden, umur bukan jadi penghalang untuk beliau bersama skuad senior. Jadi tiga pemain ini menjadi harapan besar dalam masa terdekat akan menganggotai pasukan kebangsaan," katanya.

- BERNAMA

Korban cuti 'raya', demi All England

LEE Zii Jia baru-baru ini mendedahkan beliau tidak menyambut Tahun Baharu Cina baru-baru ini untuk membuat persiapan All England, selepas kembali daripada kejohanan di Thailand dengan tangan kosong.

Zii Jia yang baharu dimahkotakan sebagai Juara All England berkata untuk mengekalkan tumpuan sepenuhnya kepada latihan, beliau memberitahu keluarganya di Kedah yang dia tidak mendapat kebenaran untuk pulang menyambut Tahun Baharu Cina pada Februari.

"Sebenarnya, BAM (Persatuan Badminton Malaysia) membenarkan semua pemain untuk menyambut Tahun Baharu Cina tetapi saya membuat keputusan untuk tinggal dan menumpukan kepada latihan. Hanya saya yang tinggal di kem dan berlatih berseorangan sepanjang waktu itu," katanya menerusi satu sidang media maya di sini hari ini.

Kesungguhan Zii Jia membuatkan hasil selepas beliau merangkul juara perseorangan lelaki All England dengan kemenangan sensasi 30-29, 20-22, 21-9 ke atas juara bertahan Viktor Axelsen dari Denmark di Birmingham, Ahad lepas.

Zii Jia berkata beliau dan jurulatihnya Hendrawan sungguh kecewa selepas dia kecundang dalam tiga kejohanan berturut-turut di Thailand.

Zii Jia tewas kepada pilihan kedua Chou Tien Chen dari Taiwan dalam suku akhir Terbuka Thailand Yonex sebelum tumpas kepada pemain India Sameer Verman dalam pusingan pertama Terbuka Thailand Toyota.

Beliau kemudian tewas kesemua tiga perlawaan dalam Final Jelajah Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF).

"Saya sungguh gembira selepas perlawanan (final All England) dan terus menghubungi Hendrawan untuk berkongsi saat manis itu dengannya. Saya lihat beliau mengalirkan air mata gembira dengan kemenangan saya ke atas Axelsen ... beliau amat bangga dengan saya," katanya.

Anak Kedah yang kini di ranking kelapan dunia berkata keyakinan beliau bertambah selepas melangkah ke separuh akhir Terbuka Switzerland, sebelum bertanding dalam All England.

"Saya tidak jangka menang All England, saya berharap saya akan mengekalkan keyakinan, terus berlatih dengan gigih dan melakukan persiapan untuk Terbuka Malaysia nanti," katanya. Zii Jia berkata beliau tidak mahu dibandingkan dengan legenda badminton negara Datuk Lee Chong Wei, kerana setiap orang mempunyai perjalanan kerjaya sendiri.

"Adalah mustahil untuk mengulangi kejayaan Chong Wei. Saya mempunyai kisah sendiri dan perjalanan yang perlu diteruskan. Saya mahu kekal fokus dan bertarung sepanjang kerjaya saya," katanya.

Zii Jia bertekad untuk memberikan aksi terbaik di Sukan Olimpik Tokyo Julai nanti dan tidak mahu meletakkan tekanan yang tinggi dengan meletakkan pingat emas sebagai sasaran. - BERNAMA



ZII JIA mencipta sejarah rangkul gelaran All England buat kali pertama selepas menewaskan juara bertahan Viktor Axelsen pada final di Birmingham, baru-baru ini.



KORBAN CUTI
'RAYA', DEMI ALL
ENGLAND

Lihat muka 39

Sukan

MELAKA HARI INI

>> LUQMAN IKUT
JEJAK
FABREGAS

Lihat muka 39

MUFC akan kemuka rayuan rasmi



Mohamad Fazrul Abdul Majid

Foto Kredit FB MUFC

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) akan mengemukakan ra-

yuan kepada Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) bagi mengembalikan tiga mata yang ditolak susulan kegagalan kelab itu menyelesaikan baki tung-

gakan gaji mengikut jadual ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Mohd Saiful Mat

Sapri berkata, pihaknya akan bertemu empat mata dengan kepimpinan MFL dan menyerahkan surat rayuan bagi membincangkan hukuman itu.

"MUFC menzhirikan rasa sedih dan kecewa terhadap kenyataan dikeluarkan MFL yang menghukum MUFC atas masalah pembayaran gaji sebelum ini."

"Saya akan lihat dari segenap sudut mengenai isu berkenaan (permotongan tiga mata) dalam pertemuan bersama kepimpinan MUFC malam ini dan saya sendiri akan mengemukakan rayuan kepada MFL bagi tindakan selanjutnya," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI) baru-baru ini.

MFL dalam kenyataan media

pada 19 Mac lalu menjelaskan keputusan hukuman terhadap MUFC dibuat selepas mesyuarat oleh badan bebas iaitu First Instance Body (FIB) yang dipengerusikan oleh Sheikh Mohd Nasir Sheikh Mohd Sharif secara persidangan video bersama ahli jawatankuasa yang lain.

Menurut kenyataan itu, MUFC pada tarikh akhir pertama iaitu 31 Januari lalu berjaya membuat pembayaran daripada tunggakan gaji pemain dan pegawai mengikut pelan jadual pembayaran.

Begitupun bagi pembayaran tarikh akhir kedua, MUFC didapati gagal menghormati jadual pembayaran yang dipersetujui dan ditetapkan sekali gus dikenakan hukuman permotongan tiga mata.

'Terima kasih MFL'

PERSATUAN Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) menyambut baik dan berterima kasih kepada Liga Bolasepak Malaysia (MFL) yang memberikan kelonggaran kepada petugas media untuk membuat liputan sepanjang sesi latihan pasukan dalam Liga Malaysia.

Presidennya Datuk Jasni Shafie berkata, keputusan MFL membenarkan media membuat liputan sama ada sebelum dan selepas latihan memberi khabar gembira kepada petugas media yang sebelum ini tidak dibenarkan untuk menjalankan tugas ketika sesi latihan pasukan berlangsung.

39

LIGA SUPER MALAYSIA 2021 | JADUAL PERLAWANAN MELAKA UNITED FC

PERLAWANAN KE - 6	PERLAWANAN KE - 7	PERLAWANAN KE - 8	PERLAWANAN KE - 9	PERLAWANAN KE - 10	PERLAWANAN KE - 11
STADIUM SULTAN IBRAHIM, ISKANDAR PUTERI JUMAT, 2 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEJAK, MELAKA SELASA, 6 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM UTB, SHRIH ALAM SELASA, 10 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEJAK, MELAKA AHAD, 18 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM PERAK, IPOH AHAD, 9 MEI 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEJAK, MELAKA SELASA, 18 MEI 2021 9.00 PM
www.melakahorini.my	Melaka Hari Ini	Melaka Hari Ini	Melaka Hari Ini	Melaka Hari Ini	Melaka Hari Ini
Grafik : Melaka Hari Ini	Grafik : Melaka Hari Ini	Grafik : Melaka Hari Ini	Grafik : Melaka Hari Ini	Grafik : Melaka Hari Ini	Grafik : Melaka Hari Ini